

Sosialis



SKIM INSURANS PEKERJAAN

BILA NAK

LAKSANA

???

Baca lanjut di m/s 8 & 9



**Hari Wanita Sedunia
Berani untuk berubah**

> m/s 14



**Ada apa dengan
Empangan Telom?**

> m/s 4 & 5

Apakah masa depan

TPPA?

> m/s 7

**Dasar pertanian
perlu dirombak
semula**

> m/s 10 & 11

8 orang terkaya di dunia miliki kekayaan sama dengan 3.6 bilion rakyat termiskin

baca lanjut di m/s 6

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM)

adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah gengaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokradi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.



- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaaan.

★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibupejabat PSM:
Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.
<https://gabungkiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Menurut statistik pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja, seramai 37,699 orang pekerja telah diberhentikan kerja pada tahun lepas. Walaupun angka ini berkurangan berbanding dengan 44,343 orang yang diberhentikan kerja pada tahun 2015, namun pekerja di Malaysia masih menghadapi ancaman pemberhentian kerja akibat daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu. Oleh yang demikian, perlindungan pendapatan pekerja semasa diberhentikan kerja sehingga mendapat kerja baru itu perlu diwujudkan, supaya pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja tidak terjebak dalam kemiskinan di samping mengekalkan permintaan kasar untuk pemulihan ekonomi pada waktu berlakunya kemelesetan.

Kerajaan memang sudah ada rancangan untuk melaksanakan Skim Insurans Pekerjaan (SIP), di mana skim ini hampir serupa dengan Tabung Pemberhentian Kerja yang diperjuangkan oleh PSM dan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) selama ini. Persoalannya adalah, bilakah kerajaan akan membawa usul untuk penubuhan skim sedemikian dalam Parlimen dan melaksanakannya dalam masa paling singkat? Memang kita tiada masa untuk berlengah lagi, kerana ancaman krisis ekonomi sentiasa wujud dan mungkin akan lebih teruk berbanding sebelumnya jikalau berlaku lagi. Kesungguhan sesuatu kerajaan membawa dasar yang memihak pada pekerja merupakan kayu pengukur yang penting sama ada kerajaan itu benar-benar pro-rakyat atau tidak.

Isu pelaksanaan Skim Pesakit Bayar Penuh di hospital awam juga adalah satu lagi contoh kerajaan UMNO-BN sekarang ini semakin hari semakin

meminggirkan kepentingan rakyat bawahan. Pemberian BR1M boleh meringankan beban rakyat bawahan untuk seketika dengan wang tunai tambahan yang dapat digunakan untuk membeli keperluan dan membayar pelbagai hutang, tetapi tanpa dasar sosio-ekonomi yang menyeluruh untuk meningkatkan taraf hidup rakyat marhaen, tidak mungkin kita akan selesaikan masalah kemiskinan dan ketidakadilan sosial yang semakin menjadi-jadi.

Kemajuan sebenar sebuah negara bukannya diukur dengan berapa bangunan tinggi yang dibina ataupun berapa harta yang dimiliki oleh orang yang terkaya dalam negara, tetapi diukur mengikut bagaimana layanan yang diterima oleh golongan rakyat yang terbawah dalam lapisan masyarakat. Masyarakat tidak lagi maju selagi adanya rakyat miskin yang terpaksa menanggung penderitaan harian, kelaparan, ketidaktentuan dalam kehidupan dan ketidakjaminan dalam masa depan mereka. Rakyat bawahan hanya dapat dibebaskan daripada belenggu kemiskinan dengan adanya dasar kerajaan yang betul-betul menegakkan kesamarataan dalam pengagihan kekayaan masyarakat dan keadilan sosial.

Rakyat Malaysia sedang berdepan dengan rejim UMNO-BN yang semakin korup di bawah pimpinan Najib. Ancaman krisis ekonomi semakin hari semakin serius, dan kesejahteraan rakyat sedang digadaikan oleh kerajaan yang mementingkan kekuasaan dan kekayaan kroni-kroni tanpa mempedulikan rakyat marhaen. Kita perlu teruskan usaha membina kuasa rakyat dari bawah untuk memperjuangkan perubahan yang sebenar. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, ■
■ maka anda boleh berlanggan terus dengan kami. ■

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 ■
■ keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu) ■

■ Nama: _____ ■

■ Alamat: _____ ■
■ _____ ■
■ _____ ■

■ Telefon: _____ ■

■ Faks: _____ ■

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA** ■

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia** ■
■ **140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields** ■
■ **50470 Kuala Lumpur** ■

■ Tel/Faks: 03-22762247 ■
■ Laman web: <http://partisosialis.org/> ■

Kempen Tabung Pemberhentian Kerja di Perlis



Satu rombongan aktivis PSM telah mengadakan jelajah Kempen Tabung Pemberhentian Kerja di negeri Perlis pada 19 Februari lalu.

Skim Insurans Pekerja



Satu rombongan PSM dan wakil pekerja telah dijemput ke ibu pejabat PERKESO pada 22 Februari lalu, untuk membincangkan Skim Insurans Pekerjaan (SIP) yang dirancang untuk dilaksanakan. PSM telah memberikan input dan idea daripada kempen Tabung Pemberhentian Kerja dengan harapan untuk menambahbaikkan pelaksanaan SIP. PSM juga menyatakan tuntutan mereka untuk SIP dilaksanakan segera demi membantu pekerja yang sedang menghadapi ancaman pemberhentian kerja.



PSM Kelantan bela pekerja OBJ

Pada 24 Februari lalu, PSM Kelantan telah mengadakan perjumpaan bersama pekerja syarikat OBJ yang tertipu dan tertindas.

Syarikat tersebut baru ditubuhkan pada bulan Nov 2016 dengan nama asal OBJ Trading yang diasaskan oleh Sohaidi Jaafar, dan beroperasi di Bandar Baru Tunjong. Syarikat tersebut menjalankan perniagaan jual barang runcit secara pukal dan murah. Syarikat telah mengambil deposit bagi menjanjikan pulangan kepada lebih 8000 pekerja yang bekerja sepenuh masa atau separuh masa. Masalah mula timbul pada 18 Februari lalu apabila stok barang tiada dalam pejabat. Pembeli yang membeli barang mula mengemukakan apabila mereka merasakan diri ditipu. Beberapa hari kemudian, pekerja mendapati pejabat mereka sudah dikosongkan dan Sohaidi juga tidak

dapat dihubungi.

Gaji untuk pekerja pada bulan Februari berkemungkinan tidak dapat. Segala kerja lebih masa (OT) dan elaun pekerja penuh masa sejak bulan Januari lepas juga tidak dibayar. Untuk deposit yang diambil syarikat semuanya, tidak diketahui proses ganti atau pemulangnya.

Hasil perjumpaan PSM Kelantan bersama pekerja OBJ, satu jawatankuasa bertindak pekerja OBJ yang teraniaya telah ditubuhkan. Pekerja telah membuat aduan rasmi di Jabatan Tenaga Kerja Kelantan pada 27 Februari. Selain itu, para pekerja juga membuat aduan polis kerana terdapat unsur-unsur penipuan dalam urusan syarikat tersebut.

Rumah OKU dilelong bank Balan dapat keadilan di mahkamah

Pada 16 Februari lalu, Balan, seorang OKU yang diheret ke mahkamah oleh Bank Simpanan Nasional (BSN), telah berjaya mendapat keputusan mahkamah yang berpihak kepadanya. Balan diheret ke mahkamah oleh bank BSN kerana beliau telah memfailkan kavaet ke atas rumah yang didiaminya supaya tidak dapat dipindahmilik kepada pihak ketiga. Rumah Balan telah dilelong oleh BSN kerana tidak dapat membayar ansuran pinjaman selepas terkena kemalangan. Walaupun Balan cuba berunding dengan pihak BSN,

tetapi pihak bank tetap dengan keputusan untuk melelongkan rumahnya. Mahkamah telah memberi satu keputusan yang berani dengan menolak permohonan Bank Simpanan Nasional untuk tarik balik kavaet, dan mengekalkan kavaet tersebut dengan kos RM 3000 sehingga Balan mendapat satu keadilan. Peguam Karthik mewakili Balan dalam kes ini. PSM Cawangan Seremban telah bersama Balan untuk mempertahankan rumahnya sejak tahun lepas.



Orang Asli Lojing menuntut SUHAKAM anjurkan inkuiri awam terhadap Kerajaan Kelantan



Wakil daripada 12 buah kampung Orang Asli (OA) di kawasan Lojing, Kelantan, telah mengunjungi ibu pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada 25 Januari lalu, dan menyerahkan satu memorandum tentang masalah pencerobohan ke atas tanah adat mereka.

OA sudah menetap di kawasan ini sejak turun temurun. Alam semulajadi seperti hutan, bukit-bukau, gunung-ganang dan sungai sangat berkait rapat dengan kehidupan mereka. Tanpa alam semulajadi ini, hidup mereka menjadi tidak menentu.

Sekarang ini, mereka makin dikelilingi pembukaan tanah dan dipaksa menjadi "penduduk bandar" yang miskin.

Dalam memorandum tersebut, masyarakat OA Lojing memohon agar SUHAKAM mengadakan satu inkuiri awam terhadap Kerajaan Negeri Kelantan yang telah melanggar prinsip-prinsip terkandung dalam Perisytiharan Hak Asasi Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDRIP), Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR) dan Perlembagaan Persekutuan.



Empangan Telom

Isu Orang Asli, Alam Sekitar & Tenaga Hijau

oleh Suresh Kumar

Tanggal 18 September 2016, sudah genap 1 tahun Jawatankuasa Bertindak Tanah dan Wilayah Adat Orang Asli Pos Lanai (JB) mendapat injuksi sementara (selepas ini disebut INJUNKSI PERTAMA) untuk menghentikan TNB daripada membina Projek Hidroelektrik Empangan Telom (PHET) di Pos Lanai, Kuala Lipis, Pahang. Pos Lanai dan kawasan cadangan PHET terletak dalam Parlimen Cameron Highlands walaupun pentadbirannya di bawah Daerah Kuala Lipis, Pahang.

Tindakan JB menarik semula INJUNKSI PERTAMA

Tetapi pada 8 Disember 2016, JB terpaksa menarik balik kes dari Mahkamah Tinggi (MT) Temerloh. Ini bermaksud injuksi JB terhadap TNB telah gugur dengan sendirinya. Keputusan ini walaupun merupakan satu pengunduran yang besar dalam perjuangan JB, namun ia terpaksa diambil kerana JB tidak bersetuju dengan penghakiman kes-dalam-kes dalam MT Temerloh. Antara sebabnya ialah:

- Hakim MT Temerloh mengklasifikasi satu lagi projek hidroelektrik yang bersebelahan, Projek Hidroelektrik Ulu Jelai (PHUJ) sebagai mesra alam sekitar. Dari manakah beliau tahu bahawa projek itu mesra alam? Adakah beliau percaya bulat-bulat kenyataan TNB?
- Hakim menggunakan perkataan seperti 'kuncu-kuncu' dan 'menanggung di air keroh' terhadap OA Pos Lanai, manakala pekerja TNB disebut sebagai 'wakil'. Adakah hakim mempunyai satu tanggapan yang tidak baik (*mala-fide*) terhadap JB dan wakilnya Jeffry?
- Terdapat kontradiksi dalam penghakiman apabila hakim keliru sama ada empangan hidroelektrik sebagai kepentingan negara atau entiti mengaut keuntungan TNB.
- Hakim mempunyai mala-fide terhadap Jeffry b Hassan, Pengerusi JB melalui kenyataan berikut dalam penghakiman:
Tindakan Jeffry yang mengganggu Projek Ulu Jelai merupakan satu tindakan yang mementingkan diri sendiri dan tidak sah di sisi undang-undang untuk mendapatkan munafaat dan pengkayaan yang tidak adil (unjust enrichment) daripada TNB dengan mengorbankan kepentingan orang asli yang lain yang tidak pernah membantah projek Ulu Jelai tersebut dan yang paling kritikal ialah beliau juga sanggup mengorbankan kepentingan negara.
- Fakta penghakiman yang salah, iaitu defenden selain Jeffry dikatakan bersetuju dengan PHUJ kerana hampir 1000 OA telah dibayar berjuta-juta ringgit.



TNB mempergunakan UiTM, JAKOA, ADUN BN & Senator Orang Asli

TNB mengumumkan PHET buat pertama kalinya kepada masyarakat Orang Asli (OA) di situ pada bulan Mac 2013. Ghazat Awang, selaku ketua 'Planning & Feasibility Study, Energy Ventures Division TNB' telah berjumpa dengan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) Pantos. Seterusnya beberapa perjumpaan telah diadakan dengan JKKK dan Ketua Kampung Orang Asli (Batin) di mana perjumpaan ini turut dihadiri oleh ADUN Jelai daripada Barisan Nasional (BN), Dato Sri Wan Rosdy, yang juga merupakan Ahli Exco Kerajaan Pahang. Kesemua pihak yang hadir menyokong pembinaan PHET dan kesan-kesan buruk akibat pembinaan PHET tidak dibincang.

Pada pertengahan 2014, TNB bersama UiTM (Universiti Teknologi Mara) telah mengadakan soal selidik rumah-ke-rumah bersama penduduk Kampung Pantos. Kebanyakan soalan yang ditanya kepada OA adalah berkenaan undang-undang dan hak pemilikan tanah. Hampir kesemua OA tidak faham akan isu-isu ini. Oleh sebab itu, keputusan soal-selidik menunjukkan OA bersetuju bahawa mereka tidak mempunyai hak ke atas tanah dan sanggup dipindahkan ke tempat lain apabila PHET dibina kelak. JB ada bertindak menghalang TNB membuat soal selidik ini namun tidak berjaya.

Dalam satu upacara pada bulan Ogos 2014, TNB bersama Pengarah JAKOA Pahang, Isa Abd Hamid dan Ahli Dewan Negara, Senator Mohammad Olian bin Abdullah, telah memujuk OA menerima soal selidik yang dibuat oleh UiTM dan TNB.

ADUN Jelai, Dato Sri Wan Rosdy dan Ahli Parlimen Cameron Highlands,

Dato Sri Palanivel, juga tidak pernah menjawab surat JB bertarikh 10 November 2014 yang meminta temujanji untuk menerangkan kenapa JB membantah PHET.

Perjuangan JB bukan sahaja menentang syarikat gergasi seperti TNB, tetapi juga melawan institusi-institusi kerajaan yang dipergunakan TNB dan ahli-ahli politik BN. Perjuangan JB adalah untuk memecahkan rantai penindasan yang telah mengikat OA selama ini melalui jelmaan syarikat korporat, agensi kerajaan dan ahli politik. Jika JB menang dalam perjuangan menghentikan PHET, kemenangan ini adalah seolah-olah menggagalkan dunia: membuktikan bahawa OA tidak perlu terus tunduk kepada keaiban yang berlaku ke atas mereka.

Jawatankuasa Bertindak (JB) fail kes di mahkamah dan menang INJUNKSI PERTAMA

Pada bulan Mei 2015, JB memfailkan kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mendapat injuksi menghalang TNB membina Empangan Telom. JB diwakili secara pro-bono (percuma) oleh peguam Yudistra Darma Dorai dan rakan-rakannya. Satu kejayaan kecil diperoleh pada 18 September 2015 apabila Mahkamah Tinggi KL memberikan perintah injuksi (INJUNKSI PERTAMA) kepada OA Pos Lanai untuk menghentikan pembinaan Empangan Telom di kawasan kampung mereka. Terdapat lebih kurang 300 keluarga menetap di kawasan ini dengan anggaran penduduk OA sekitar 1500 orang. Namun, pada masa yang sama, peguam-peguam TNB berjaya menukarkan kes ke Mahkamah Tinggi Temerloh untuk sebab-sebab (sebenar) yang hanya diketahui oleh TNB.

Sebelum INJUNKSI PERTAMA diperolehi, TNB sudah pun memulakan kerja-kerja pengukuran kawasan, penilaian tanah dan rundingan pampasan walaupun belum memohon kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) atau Penilaian Kesan Alam Sekitar Terperinci (DEIA) daripada Jabatan Alam Sekitar.

TNB cuba buat kerja & INJUNKSI KEDUA

Selepas itu, telah berlaku beberapa percubaan oleh TNB untuk masuk ke kawasan Pos Lanai untuk membuat kerja-kerja pengukuran. Namun, Jeffry Hassan selaku pengerusi JB, bersama rakan-rakannya berjaya menghentikan setiap percubaan oleh TNB. Beberapa laporan polis juga telah dibuat di Balai Polis Sungai Koyan berkenaan insiden ini. Oleh kerana tidak berjaya untuk meneruskan kerja-kerja di Pos Lanai, TNB kemudian telah menggunakan 'jalan belakang' dan telah menggunakan Mahkamah Tinggi Temerloh untuk mendapatkan satu injuksi baru secara *ex-parte* (selepas ini disebut INJUNKSI KEDUA) terhadap Jeffry dan rakannya supaya tidak menghalang TNB membuat kerja-kerja pengukuran di Pos Lanai. TNB telah menggunakan alasan bahawa kerja-kerja yang dijalankan bukanlah untuk PHET tetapi untuk PHUJ yang sedang dibina lebih kurang 50 km dari Pos Lanai.

Pada 26 Ogos 2016, JB telah kalah di Mahkamah Tinggi Temerloh untuk menghalang TNB menggunakan INJUNKSI KEDUA membuat kerja-kerja di kampung mereka. Walaupun INJUNKSI PERTAMA masih kekal, namun TNB telah dapat masuk ke Pos Lanai membuat kerja-kerja pengukuran selama lebih kurang 12 hari.

(sambung di m/s 5)

(sambung dari m/s 4)

TNB menyeleweng proses mahkamah untuk meneruskan kerja

TNB dikatakan “telah menggunakan jalan belakang” kerana sebab-sebab berikut:

1. Apakah keperluan TNB memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi Temerloh sedangkan kes ini boleh diteruskan di Mahkamah Tinggi KL?

2. Mengapakah TNB tidak membawa kepada pengetahuan Mahkamah Tinggi KL bahawa wujudnya kerja-kerja pembinaan 2 empangan di Pos Lanai?

3. Mengapakah TNB mengambil injunksi *ex-parte* (tanpa kehadiran pihak yang didakwa) sedangkan TNB dan peguam-peguamnya jelas akan kewujudan Jeffry Hassan, JB dan peguam yang mewakili JB?

Pada 26 Ogos 2016, peguam-peguam TNB telah berjaya mengenyepikan bantahan JB terhadap INJUNKSI KEDUA TNB walaupun TNB masih gagal menjawab persoalan-persoalan seperti di atas.

Empangan hidroelektrik yang besar tidak cekap!

Jika dilihat nisbah kuasa dijana terhadap luas takungan air, didapati semakin luas sesuatu empangan hidroelektrik, semakin tinggi nisbah takungan air yang digunakan untuk menjana 1MW (jadual di bawah). Dalam erti kata lain, semakin luas sesuatu empangan hidroelektrik, semakin banyak kemusnahan kepada alam sekitar (kecekapan penggunaan tanah semakin berkurang).

Jadual 1 menunjukkan nisbah kuasa dijana berbanding luas kawasan yang tenggelam.

Empangan Telom boleh dimasukkan ke dalam kategori empangan yang besar. Jika siap dibina, ia akan menjadi empangan ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Empangan Kenyir dan Temenggor. Saiz Empangan Telom ialah lebih kurang sebesar Wilayah Persekutuan Labuan atau 11,000 padang bola sepak. Maka, sejajar dengan semua empangan yang besar, penggunaan tanah Empangan Telom adalah tidak cekap. Ini kelihatan dengan lebih jelas jika dibandingkan dengan **Empangan Ulu Jelai** yang hanya terletak dalam jarak 50 km dari tapak cadangan **Empangan Telom**.

Jadi, mengapakah TNB ingin meneruskan pembinaan empangan-empangan hidroelektrik yang besar walaupun terbukti empangan sebegini tidak efisien?

Empangan hidroelektrik VS Tenaga Boleh Diperbaharui

TNB menggunakan 2 alasan utama untuk mempertahankan keputusan pembinaan Empangan Telom, iaitu:

1. Empangan Telom dibina untuk menampung permintaan tenaga elektrik di masa hadapan;

2. empangan hidroelektrik ialah satu bentuk penghasilan tenaga yang boleh diperbaharui.

Apa yang perlu difikirkan di sini adalah, adakah berbaloi untuk membina empangan besar yang memusnahkan Hutan Simpanan Ulu Jelai dan kehidupan di dalamnya? Pelepasan air dari empangan juga boleh menyebabkan banjir di sepanjang laluan sungai, seperti yang dilihat dalam isu Empangan Sultan Abu Bakar di Lembah Bertam, Cameron Highlands.

Bagi OA pula, pembinaan PHET akan menyebabkan mereka kehilangan:

1. punca pendapatan dari tanaman, hasil hutan dan sungai;

2. air sungai yang bersih;

3. perkuburan keramat OA.

Negara kita tidak mempunyai badan bebas untuk mengukur keburukan sesuatu empangan hidroelektrik berbanding kuasa yang dijana. Badan bebas ini jika wujud, akan bertanggungjawab untuk membuat kajian impak tentang pembinaan empangan hidroelektrik. Pada tahun 2011, Empangan Hidroelektrik Elwha di Washington, USA, telah dihentikan operasinya dan kemudian diroboh kerana menyebabkan masalah-masalah seperti hakisan dasar sungai, pengumpulan kelodak, serta perubahan ekosistem ikan dan hidupan air. Malaysia belum lagi mempunyai undang-undang atau badan bebas untuk membolehkan sesuatu empangan diroboh jika dapat dibukti menyebabkan kesan buruk kepada alam sekitar dan manusia berbanding tenaga yang dijana.

Apabila 7600 hektar hutan tenggelam jikalau Empangan Telom dibina kelak, pembebasan gas metana akibat pereputan kehidupan juga akan menyebabkan kesan rumah hijau (pemanasan muka bumi).

Pengukuran 'kitaran hayat pelepasan gas rumah hijau' melibatkan pengiraan potensi pemanasan global sumber tenaga elektrik melalui penilaian kitaran hayat setiap sumber tenaga. Unit yang digunakan dalam pengiraan ini ialah jisim CO₂ yang dibebaskan bagi setiap kilowatt-jam tenaga elektrik yang dijana. Jadual 2 menunjukkan perbezaan bagi tenaga elektrik yang dijana menggunakan sumber-sumber berlainan. Jika dilihat, empangan hidroelektrik masih mencemar dari segi pembebasan gas rumah hijau, lebih-lebih lagi jika empangan tersebut besar dan menenggelamkan hutan yang luas.

Adakah pembinaan PHET mempunyai agenda lain?

Kenapakah TNB begitu bersungguh-



sebenarnya untuk membina empangan yang membanjiri kawasan hutan seluas 7600 hektar hanya untuk menjana 132 MW? Jika ia dikatakan untuk tidak mensia-siakan air lepasan dari Empangan Hidroelektrik Ulu Jelai, alasan ini kelihatan aneh kerana TNB sanggup memusnahkan hutan seluas 7600 hektar tanpa mempedulikan alam sekitar dan OA. Sikap ini kelihatan sangat hipokrit jika dibandingkan dengan kenyataan di bawah yang diambil dari laman web rasmi TNB:

“TNB has always been **respectful of the environment**, and has set **industry benchmarks in the use of advanced technologies to minimise pollution from its plants. As issues concerning global climate change become more urgent, the Company has intensified its efforts to reduce its carbon footprint while enhancing the country’s natural heritage... Further supporting the natural environment, TNB contributes to the preservation of the firefly colony in Kampung Kuantan, Kuala Selangor by conducting research on this light-emitting species. ... In other areas around the country, TNB contributes to the greening of the environment by replacing every tree felled for the development of transmission infrastructure with a new seedling.**”

Jawapan untuk persoalan yang timbul dalam memorandum yang dihantar oleh JB kepada TNB juga sentiasa memesong dari soalnya. TNB tidak pernah dapat menjustifikasi kepentingan membina empangan 7600 hektar yang hanya dapat menjana 132 MW. Inikah yang dikatakan tenaga bersih dari sumber hidroelektrik?

Satu syarikat perlombongan emas, Rosmal (M) Sdn Bhd telah mula masuk meninjau kawasan Pos Lanai. Penduduk Pos Lanai telah dimaklum bahawa syarikat tersebut telah diberikan pajakan tanah untuk membuka lombong emas di sekitar Pos Lanai.

Lombong emas Selinsing juga terletak dalam jarak lebih kurang 50 km dari tapak projek PHET. Begitu juga satu lagi lombong mencari mineral yang sedang dibuka oleh

sebuah syarikat bernama Jasa Firdausi berhampiran Kg Simoi Lama yang juga terletak dalam linkungan 50 km dari tapak PHET.

Adakah perlombongan emas akan dijalankan di kawasan 7600 hektar sebelum PHET dibina?

Pada tahun 2009, kerajaan Kelantan telah dikecam oleh Jabatan Audit Negara apabila meluluskan kawasan pembalakan seluas 2200 hektar di kawasan ketinggiannya lebih 1000 meter dari paras laut. Persoalan kepada TNB adalah, apakah akan dilakukan kepada kayu-kayu balak yang terletak dalam kawasan PHET seluas 7,600 hektar? Apakah ketinggian tapak projek ini dari paras laut?

Kesimpulan

Halatuju penjanaaan dan penggunaan tenaga di negara kita perlu direvolusikan. Penjanaaan tenaga tidak boleh dikatakan bertukar ke teknologi hijau jika negara kita sibuk membina empangan hidro tanpa menghiraukan isu-isu seperti OA, alam sekitar dan ‘tapak kaki karbon’ (pembebasan gas berkarbon).

Perjuangan OA Pos Lanai harus dilihat sebagai pembuka mata kepada masalah-masalah yang lebih mendalam berkenaan pembinaan empangan hidroelektrik. OA Pos Lanai bukannya harus dilihat sebagai ‘kuncu-kuncu’ yang ingin menghentikan kerja-kerja TNB. Jika kita bersetuju dengan makhluk asing Na’vi dalam filem Avatar (tahun 2009) mempertahankan planetnya daripada pencerobohan manusia, maka perjuangan OA Pos Lanai juga perlu dilihat dalam skop yang sama. OA Pos Lanai yang hidup secara harmoni dengan alam sekitar sedang mempertahankan kawasan mereka daripada dimusnahkan oleh pembinaan empangan hidroelektrik ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia. ##

Jika anda ingin menyokong perjuangan OA Pos Lanai, sila hubungi Suresh Kumar (PSM Cameron Highlands) di talian 019-569-6964.

Jadual 1				
Empangan	Lokasi	Keluasan takungan air (hektar)	Kapasiti Penjanaaan Elektrik (MW)	Nisbah kuasa yang dijana dengan kawasan yang tenggelam
Ulu Jelai (2016)	Cameron Highlands, Pahang	130	372MW	1MW : 0.35ha
Hulu Terengganu (2015)	Hulu Terengganu	6130	265MW	1MW : 23.1ha
Temenggor (Sg Perak)	Hulu Perak	15,900	348MW	1MW : 45.7ha
Telom (2022)	Kuala Lipis, Pahang	7,600	132MW	1MW : 57.6ha
Bakun	Belaga, Sarawak	1,475,000	2,400MW	1MW : 614.6ha
Kenyir	Hulu Terengganu	260,000	400MW	1MW : 650.0ha

Jadual 2	
Sumber penjanaaan tenaga elektrik	[Jisim CO ₂ yang dibebaskan (paun)]/[kilowatt-jam tenaga yang dijana]
Empangan hidroelektrik kecil	0.01 – 0.03
Empangan hidroelektrik di kawasan tropikal	0.5
Gas asli	0.6 – 2.0
Arang batu	1.4 – 3.6

Rekod terbaru kapitalisme global

1% lebih kaya daripada 99%

Pada bulan Januari tahun lepas, dalam satu laporan yang dikemukakan oleh Oxfam, didapati bahawa jumlah orang terkaya di dunia yang memiliki kekayaan bersamaan dengan separuh penduduk dunia, daripada yang boleh dibawa dengan sebuah kapal terbang (iaitu 388 orang), telah berkurangan dalam tempoh 5 tahun sehingga menjadi jumlah yang hanya perlu dibawa dengan sebuah bas (iaitu 62 orang) pada masa itu. Selang satu tahun kemudian, Oxfam mengumumkan lagi satu laporan, dengan penemuan yang lebih mengejutkan, iaitu jumlah ini berkurangan lagi, di mana sekarang ini hanya perlukan sebuah van untuk membawa jumlah orang terkaya yang memiliki kekayaan bersamaan dengan separuh penduduk bumi ini.

Dalam laporan yang bertajuk "Ekonomi untuk 99%", yang diumumkan oleh Oxfam baru-baru ini bersempena dengan Forum Ekonomi Dunia yang diadakan di Davos, Switzerland, telah mendedahkan bahawa anggaran terbaru menunjukkan 8 orang terkaya di dunia (semuanya lelaki), memiliki kekayaan yang bersamaan dengan jumlah kekayaan separuh penduduk dunia yang termiskin, iaitu lebih kurang 3.6 bilion orang. Kapitalisme dunia telah mencipta satu lagi keajaiban, iaitu ketidaksetaraan dalam pengagihan kekayaan dunia dan ketidakadilan sosial telah mencapai satu tahap yang amat serius.

Oxfam merupakan sebuah pertubuhan amal antarabangsa yang tumpu pada usaha pembasmian kemiskinan sedunia.

Di samping itu, laporan Oxfam juga mengemukakan fakta-fakta berikut:

- Sejak tahun 2015, kekayaan yang dimiliki oleh golongan 1% terkaya di dunia, telah melebihi kekayaan yang dimiliki oleh 99% penduduk dunia yang selebihnya.

- Dalam 20 tahun yang akan datang, 500 orang terkaya di dunia akan memindahkan kekayaan sebanyak USD 2.1 trilion kepada pewaris mereka, di mana jumlah ini telah melebihi nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) India, sebuah negara yang mempunyai jumlah penduduk seramai 1.3 bilion orang.

- Dalam tempoh antara tahun 1988 hingga 2011, pendapatan 10% penduduk dunia yang termiskin hanya bertambah sebanyak USD 3 setiap tahun, manakala golongan 1% terkaya bertambah pendapatan mereka sebanyak 182 kali ganda.

- Pendapatan tahunan untuk seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEP) dalam syarikat yang disenaraikan dalam FTSE-100, bersamaan dengan pendapatan 10,000 orang pekerja kilang baju di Bangladesh.

- Menurut kajian terbaru Thomas Piketty, pendapatan 50% rakyat paling bawah di Amerika Syarikat, langsung tidak bertambah dalam 30 tahun yang lepas; manakala pendapatan untuk 1% golongan teratas bertambah sebanyak 300%.

- Di Vietnam, pendapatan sehari orang terkaya di negara itu, bersamaan dengan pendapatan 10 tahun seorang rakyat termiskin.

- Di India, gaji untuk CEO syarikat informasi terulung di negara itu, bersamaan dengan 416 kali ganda gaji pekerja biasa dalam syarikat yang sama.

- Pada 1980-an, seorang petani koko mendapat 18% daripada nilai batang coklat yang dijual di pasaran, tetapi hanya tinggal 6% pada hari ini.

- Syarikat Apple hanya membayar sebanyak 0.005% cukai daripada keuntungannya di Eropah pada tahun 2014.

- Negara sedang membangun kehilangan sebanyak USD 100 bilion



kerana syarikat-syarikat korporat mengelakkan diri daripada cukai.

Amat jelas sekali, di bawah sistem ekonomi kapitalis sedunia hari ini, walaupun kekayaan masyarakat semakin bertambah, tetapi kekayaan hanya semakin memusat dalam tangan golongan yang terkaya, sementara majoriti rakyat dalam masyarakat terus hidup dalam kemiskinan.

Salah satu masalah dengan sistem kapitalis global hari ini adalah, ganjaran yang diperolehi seseorang itu, tidak lagi ditentukan mengikut usaha, kerajinan, kebolehan dan sumbangan tenaganya, tetapi ditentukan oleh kekayaan yang dikumpulnya sebelum ini. Ini adalah punca kepada ketidakadilan sosial pada hari ini.

Ekonomi kapitalis semakin bersifat parasitik pada hari ini, kerana golongan kaya semakin cenderung untuk mengaut keuntungan lumayan tanpa mengeluarkan apa-apa barangan berguna, tetapi melaburkan modal mereka dalam ekonomi bersifat kasino, seperti sektor perbankan, jual beli saham, insurans, spekulasi hartanah, "pengurusan kekayaan" dan sebagainya. Golongan mahakaya ini telah menjadi parasite masyarakat yang sebenar, dan sumbangan terbesar mereka adalah -

yang kaya lebih kaya, yang miskin lebih miskin.

Oxfam telah menggariskan cadangannya untuk pelan induk yang mewujudkan ekonomi bersifat kemanusiaan, antaranya:

- Kerajaan perlu membanteras penumpuan kekayaan yang terlampau untuk membasmi kemiskinan. Kerajaan patut meningkatkan cukai ke atas golongan kaya, di samping mewujudkan dana untuk dilaburkan dalam kesihatan, pendidikan dan pengwujudan pekerjaan.

- Kerajaan negara yang berlainan patut bekerjasama bukannya bersaing. Kerajaan patut bekerjasama di peringkat antarabangsa untuk memastikan pekerja dibayar gaji yang berpatutan, menghentikan segala bentuk pengelakan cukai, dan menghentikan perlumbaan ke bawah dalam cukai korporat.

- Kerajaan patut menyokong syarikat yang memberi faedah kepada pekerja dan masyarakat, bukannya syarikat yang hanya mementingkan pemegang saham. Misalnya, dalam syarikat Mondragon yang dimiliki oleh 74,000 pekerjaannya, semua pekerja menerima gaji yang berpatutan kerana struktur gajinya memastikan gaji tertinggi kakitangannya tidak melebihi 9 kali gaji terendah.

- Kerajaan perlu memastikan ekonomi membawa manfaat kepada kaum wanita. Kerajaan perlu menghapuskan halangan untuk perkembangan ekonomi kaum wanita, seperti akses kepada pendidikan dan mengurangkan beban yang tidak adil kerana kerja penjagaan rumah yang tidak dibayar.

Oxfam juga menyeru pada pemimpin perniagaan supaya memainkan peranan mereka dalam usaha memanusiakan ekonomi.

Namun, kita perlu sedar bahawa sistem ekonomi kapitalis tidak dapat memperbetulkan masalah dunia secara sendiri tanpa tekanan hebat daripada rakyat bawahan. Hanya organisasi dan gerakan rakyat dari bawah boleh membawa perubahan yang sebenar. Rakyat bawahan perlu meneruskan usaha berorganisasi dan bermobilisasi untuk memperjuangkan hak rakyat serta merealisasikan sebuah masyarakat yang lebih adil.

##

8 orang terkaya di dunia memiliki kekayaan bersamaan dengan 3.6 bilion rakyat termiskin



sumber: Oxfam

Apakah masa depan TPPA?

Selepas Donald Trump mengambilalih kuasa pentadbiran negara Amerika Syarikat (AS) sebagai Presiden pada bulan Januari yang lalu, dia telah menandatangani satu Memorandum Presiden untuk AS menarik diri keluar daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Dengan pengunduran diri AS daripada satu perjanjian perdagangan bebas multinasional yang digerakkan secara hebat oleh Presiden AS sebelum ini, menunjukkan perubahan sikap kerajaan AS dalam strategi ekonominya. Masa depan TPPA menjadi tanda soal selepas AS, sebagai ekonomi terbesar antara 12 buah negara yang menandatangani TPPA pada bulan Februari 2016, menarik diri daripadanya.

Perubahan dasar kerajaan AS di bawah pimpinan Trump berkenaan dengan perjanjian perdagangan antarabangsa ini disifatkan oleh ramai pengulas bahawa pentadbiran Trump cuba mengembalikan dasar ekonomi AS kepada dasar perlindungan (proteksionisme). Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa dasar perlindungan yang dimaksudkan ini bukannya perlindungan untuk pekerja dan rakyat biasa, tetapi perlindungan kepada pemodal besar dari AS. Jikalau kita mendalami sejarah perkembangan ekonomi sedunia, semua negara-negara maju pada hari ini, termasuk AS, Britain dan Jepun, membayangkan asas ekonomi perindustrian di negara masing-masing dengan mengamalkan dasar

perlindungan pada awalnya, tambahan pula dengan melakukan perluasan kuasa dan penjajahan ke atas negara yang kurang maju berbanding mereka, sebelum mengambil pendekatan untuk menggalakkan perdagangan bebas yang melibatkan pengurangan halangan cukai ke atas barangan buatan luar negara. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh Trump hanyalah bertujuan untuk menyelamatkan ekonomi kapitalis di AS dengan mengembalikan dasar ekonomi perlindungan kepada pemodal negara sendiri yang diamalkan pada asalnya. Yang terus diperas dan ditindas, adalah golongan pekerja di AS dan negara-negara lain.

Selepas AS menarik diri daripada TPPA, beberapa negara yang menandatangani TPPA telah menyatakan keinginan mereka untuk melaksanakan TPPA tanpa penyertaan AS. Antaranya, kerajaan Australia menunjukkan keinginannya untuk berbincang dengan pemimpin negara anggota TPPA untuk meneruskan perjanjian perdagangan bebas tersebut. Namun, kerajaan Jepun yang merupakan sekutu rapat kepada AS, mengatakan bahawa TPPA akan menjadi “tidak bermakna” tanpa AS. Nampaknya masa depan TPPA memang amat tidak menentu. Barangkali ini adalah satu berita baik untuk rakyat biasa di Malaysia, kerana TPPA yang dibantah ramai selama ini berkemungkinan tidak dapat diteruskan lagi.

Dalam keadaan dunia hari ini, tanpa



TPPA pun, pemimpin-pemimpin kerajaan negara yang berfahaman ekonomi neo-liberal ataupun pro-kapitalis, pastinya akan sentiasa mencari jalan untuk memperluaskan kuasa golongan korporat supaya mereka dapat mengaut lebih keuntungan. Negara Malaysia sudahpun membuat beberapa perjanjian perdagangan bebas dan kerajaan kita nampaknya begitu ghairah dengan perjanjian perdagangan bebas tanpa memahami secara mendalam bagaimana perdagangan bebas yang didorong oleh keuntungan korporat boleh mendatangkan kesan buruk kepada rakyat marhaen.

Pada takat ini, selain TPPA, Malaysia juga terlibat dalam Perjanjian Perkongsian Komprehensif Serantau (RCEP) yang diterajui oleh negara China, kuasa ekonomi yang semakin mendominasi di Asia. Serupa dengan

TPPA, RCEP juga dirangka berdasarkan kepentingan golongan korporat.

Rakyat Malaysia tidak perlukan perjanjian perdagangan bebas yang mendatangkan ketidakjaminan dalam pekerjaan dan penggadaian hak asasi rakyat kepada golongan korporat. Apa yang kita perlukan adalah anjakan paradigma dalam fahaman ekonomi negara kita. Perlu kita ingat bahawa, rakyat pekerja yang sebenarnya menjana ekonomi, bukannya pelabur-pelabur asing. Negara kita masih boleh berkembang dan memastikan kesejahteraan rakyat tanpa pelabur asing, tetapi negara pastinya akan lumpuh tanpa pekerja yang menaburkan titisan peluh mereka untuk membangunkan ekonomi. Oleh itu, kita perlukan dasar ekonomi dan kerjasama antarabangsa yang mementingkan kesejahteraan rakyat secara berterusan. ##

Syarikat ubat besar Roche gadaikan nyawa demi keuntungan

Pada 7 Februari lalu, PSM telah bersolidariti dengan aksi seluruh dunia menentang syarikat ubat besar Roche.

Roche, sebuah syarikat multinasional yang beribupejabat di Switzerland, telah mendapat tentangan hebat daripada wanita yang menghadapi penyakit barah, keluarga pesakit barah, aktivis, ahli sains, penyelidik dan pengamal perubatan di seluruh dunia, atas tindakan syarikat tersebut yang tidak berhati perut terhadap golongan bawahan. Dasar syarikat Roche yang mengejar keuntungan semata-mata telah menyebabkan ubat Trastuzumab, sejenis ubat yang

penting untuk mengubati penyakit barah buah dada, dijual dengan harga yang terlampau mahal. Akibat harga ubat yang tinggi, banyak negara miskin tidak mampu menampung subsidi untuk ubat ini, sehinggakan ramai wanita mati kerana tidak mampu membeli ubat tersebut.

Aksi sedunia ini dipimpin oleh wanita yang menghadapi penyakit barah di Afrika Selatan, menuntut keadilan untuk Tobeka Daki, seorang aktivis Afrika Selatan yang meninggal dunia akibat tidak mampu membeli ubat untuk penyakit barahnya pada tahun lepas. ##



4 cadangan tangani banjir di Kelantan

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada 22 Januari yang lalu, Khairul Nizam Bin Abd Ghani, Pengerusi PSM Kelantan, telah memberikan penerangan tentang realiti fizikal latar masalah banjir di Kelantan dan juga cadangan yang boleh mengurangkan masalah tersebut.



mengemukakan 4 cadangan untuk mengurangkan masalah banjir yang sering berlaku di Kelantan, khususnya semasa musim tengkujuh, dan berlarutan bertahun-tahun lamanya.:

1. Semak semula projek-projek di bawah Kerajaan Negeri yang sedang dijalankan.

Bertanggungjawab semula terhadap projek-projek di bawah kerajaan negeri yang sudah siap.

2. Potong gaji 45 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), sebanyak RM1 ribu sebulan, untuk mendapatkan RM 540 ribu setahun, bagi kerja-kerja kebersihan dan kelancaran saluran-saliran utama di bandar-bandar yang sedia ada.

3. Bekukan program-program yang tiada atau kurang manfaat di luar negeri dan negara. Mesyuarat-mesyuarat, lawatan-lawatan di luar negara, dengan jumlah delegasi tiada tugas penting, hanya memperbanyakkan belanja yang tidak perlu dalam kewangan negeri. Penjimatan boleh digunakan untuk kerja-kerja pengurusan sampah dan kebersihan.

4. Pihak parti pembangkang di Kelantan, yang rapat secara politik dengan Kerajaan Persekutuan, diminta untuk mendapatkan dana Persekutuan bagi kerja-kerja pamparitan dan saluran di negeri Kelantan. ##

“PAS sudah memerintah selama 26 tahun di negeri Kelantan. Namun, masih bergantung kepada kemusnahan alam (pembalakan, perlombongan dan lain-lain lagi) sebagai sumber terbesar pendapatan tahunan negeri tersebut. Kegiatan yang tidak mampan ini melebihi 50% daripada sumber pendapatan negeri, untuk setiap tahun,” ulas Khairul Nizam.

“Selama puluhan tahun, Kerajaan Negeri Kelantan menghadapi penindasan politik daripada Kerajaan Persekutuan. Untuk isu ini, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) lebih banyak berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan,” tambah Khairul Nizam.

Menurut Khairul Nizam, “sebab berlakunya banjir di Kelantan ada dua: banjir yang disebabkan oleh air hujan yang lambat mengalir ke saluran yang sepatutnya; dan banjir akibat daripada limpahan air sungai ke darat.”

Oleh yang demikian, PSM Kelantan

Pekerja sokong Skim Insurans Pekerjaan

Bila kerajaan akan laksanakan?

Pada 19 Januari yang lalu, Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengadakan satu aksi piket di hadapan Kementerian Sumber Manusia (KSM) di Putrajaya, untuk menuntut supaya kerajaan melaksanakan segera Skim Insurans Pekerjaan (SIP).

Piket anjuran PSM ini telah disertai oleh pekerja-pekerja yang dijejaskan oleh masalah pemberhentian kerja bersama dengan aktivis sosial yang prihatin pada masalah pekerja.

PSM telah giat menganjurkan kempen menuntut Tabung Pemberhentian Kerja sejak tahun lepas. Sekarang ini, Kementerian Sumber Manusia telah adanya rancangan untuk melaksanakan Skim Insurans Pekerjaan, di mana kebanyakan idea skim ini lebih kurang sama dengan tuntutan kempen Tabung Pemberhentian Kerja.

Menurut Sivaranjani, Penyelaras Kempen Tabung Pemberhentian Kerja, "Kami setuju dengan kebanyakan perkara yang dibawa dalam Skim Insurans Pekerja. Hanya ada beberapa cadangan daripada kami untuk menambahbaikannya supaya skim tersebut dapat benar-benar melindungi pekerja semasa krisis ekonomi. Kami mengadakan aksi pada hari ini untuk menyatakan sokongan kami terhadap SIP, dan menuntut supaya dilaksanakan segera. Kami bimbang kerajaan akan menangguhkan pelaksanaan skim ini oleh kerana tekanan daripada golongan majikan, seperti yang pernah berlaku sebelum ini."

Pihak KSM telah bersetuju untuk berjumpa dengan wakil PSM dan pekerja, tetapi menghadapi halangan di pintu masuk utama ke bangunan KSM di Putrajaya. Seorang Penolong



Pegawai Keselamatan Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Nor Affendi, telah melarang 15 orang wakil PSM dan pekerja untuk masuk ke perkarangan bangunan KSM, walaupun pihak Kementerian sudah bersetuju untuk berjumpa. Oleh kerana tindakan seorang Penolong Pegawai Keselamatan Kerajaan yang tidak bertanggungjawab dan tidak masuk akal ini, pegawai-pegawai daripada KSM terpaksa menerima memorandum di luar pagar bangunan kementerian sendiri. Perbincangan juga tidak dapat diadakan kerana delegasi PSM tidak dapat masuk ke perkarangan bangunan KSM. Walau bagaimanapun, pihak KSM telah bersetuju untuk mengatur satu lagi sesi perbincangan dengan wakil PSM pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Selepas itu, pada 22 Februari lalu, PSM telah dijemput oleh Pertubuhan

Keselamatan Sosial (PERKESO) ke ibu pejabatnya untuk satu perbincangan berkenaan dengan SIP. PERKESO telah ditugaskan oleh KSM untuk mengkaji pelaksanaan SIP. Wakil PSM dan wakil pekerja telah hadir ke perbincangan tersebut dengan mengemukakan idea-idea yang dibawa dalam Kempen Tabung Pemberhentian Kerja untuk menambahbaikkan SIP. Perbincangan diadakan dalam suasana yang mesra. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan masih tidak memberi kepastian bahawa rang undang-undang untuk pelaksanaan SIP akan dibentangkan dalam sesi parlimen akan datang.

PSM menyeru pada Kerajaan supaya melaksanakan SIP secepat mungkin, untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.



Berikut adalah isi kandungan memorandum yang diserahkan kepada Kementerian Sumber Manusia pada 19 Januari lalu, berkaitan dengan pendirian PSM tentang SIP.

PSM mengalu-alukan cadangan kerajaan yang menawarkan Skim Insurans Pekerjaan (SIP) kepada pekerja yang hilang kerja akibat penutupan syarikat secara tiba-tiba.

Mengikut pengetahuan PSM yang memperjuangkan Tabung Pemberhentian Kerja untuk bertahun-tahun lamanya, kerajaan membawa idea ini pada tahun 2009 dan pada tahun yang sama juga Kerajaan memperuntukkan RM 80 juta untuk penubuhan Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan (TBKP). Akan tetapi, kegagalan untuk mendapat satu persetujuan melalui sistem triparti menyebabkan idea ini tidak bergerak ke mana-mana.

Walaupun bagaimanapun, apabila idea SIP dibangunkan dan beberapa siri perbincangan telah diadakan di peringkat Kementerian Sumber Manusia, ia masih belum dibentangkan di Parlimen. Pada akhir tahun 2014, KSM berkata akan membawa cadangan ini di sesi Parlimen pada bulan Mac 2015, tetapi tidak dibawa. Janji yang sama telah

diberikan tahun lepas, iaitu tahun 2016, bahawa KSM akan bentangkan kertas kabinet SIP dalam sesi Parlimen pada bulan Mac tahun ini.

Perkara ini tidak harus ditangguhkan lagi dan perlu diberi perhatian serius untuk dibawa ke Parlimen dan dilaksanakan secepat mungkin. Ini kerana beberapa statistik daripada pihak Kerajaan dan Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menunjukkan trend yang membimbangkan.

Mengikut statistik kerajaan, pada tahun 2015, seramai 44,343 orang pekerja diberhentikan kerja akibat majikan bankrap, pengurangan kerja

atau pindah ke tempat lain. Satu pertiga daripada jumlah pekerja ini diberhentikan tanpa diberi faedah renti kerja ataupun pampasan. Jumlah pampasan yang tidak dibayar mencecah jumlah RM 397.45 juta. (sumber: NST online pada 1 November 2016 dengan tajuk berita - *More than 31,000 people retrenched this year, says Human Resources Ministry*, dan Jawapan soalan Parlimen PR-1342-T75431 -No.466)

Pada November 2016, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Ismail Abd Muttalib berkata di Dewan Rakyat bahawa lebih 31 ribu pekerja telah hilang kerja dari Januari hingga September 2016. Selepas sebulan, pada akhir bulan Disember 2016, kita dikejutkan pula dengan pengumuman Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) bahawa lebih 50 ribu pekerja dijangka akan hilang kerja tahun 2017 kerana keadaan ekonomi yang lembab.

Keadaan tenat ini menyebabkan kita perlunya satu jaring keselamatan bagi menangani masalah ini. Apabila pekerja tiba-tiba hilang kerja, punca

pendapatan mereka hilang, rumah dan kereta akan dilelong kerana tidak dapat bayar ansuran bulanan pinjaman bank, serta akan menjadi penganggur sehingga mendapat kerja baru. Dalam sekelip mata, pekerja hilang semua yang diusahakannya bertahun-tahun akibat tindakan majikan yang tidak bertanggungjawab. Sebagai contoh, dalam kes pekerja-pekerja kilang roti High-5 dan Paragon Converter, pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja hanya mendapat tahu syarikatnya bankrap pada hari terakhir bekerja.

Walaupun ada garis panduan pengurusan pemberhentian kerja untuk menjaga keharmonian industri, tetapi ia tidak diikuti oleh pihak majikan dalam memberi notis awal mengenai situasi syarikat. Akta Syarikat 1965 yang lebih berpihak kepada majikan juga gagal dalam mendapatkan pampasan bagi pekerja. Jika syarikat mufis, penyelesaian pampasan pekerja adalah dalam senarai terakhir.

(sambung di m/s 9)



(sambung dari m/s 8)

Tabung Pemberhentian Kerja (TPK)

PSM bersama-sama dengan badan bukan kerajaan (NGO) lain di Malaysia sedang berkempen menuntut pada kerajaan supaya mewujudkan Tabung Pemberhentian Kerja (TPK) yang hampir sama dengan cadangan kerajaan, untuk membantu pekerja yang hilang kerja secara tiba-tiba.

Perbandingan antara SIP cadangan Kerajaan dengan Tabung Pemberhentian Kerja yang diperjuangkan PSM adalah seperti berikut:



	Skim Insurans Pekerjaan (SIP) (Perancangan daripada Kementerian Sumber Manusia)	Tabung Pemberhentian Kerja (TPK) (Cadangan Jawatankuasa Kempen Tabung Pemberhentian Kerja)
1	Wujudkan Skim Insurans Pekerjaan di bawah PERKESO.	Wujudkan Tabung Pemberhentian Kerja di bawah PERKESO.
2	Kadar caruman – Pekerja 0.25% dan majikan 0.25%	Majikan RM 0.50 dan Pekerja RM 0.50 dengan caruman bulanan. Ini kerana sumbangan ini tidak harus membebankan pekerja. Juga, sumbangan RM1 sebulan dalam tabung adalah satu jumlah yang besar. Sekarang kita ada 6 juta pekerja membayar KWSP dan jika 6 juta pekerja sumbang RM 0.50 dan sumbangan majikan RM 0.50, sejumlah RM6 juta akan masuk dalam Tabung pemberhentian Kerja untuk sebulan atau RM72 juta bagi setahun. Bukankah ini satu amaun yang cukup besar?
3	Faedah Renti kerja (ETLB) dikekalkan.	Faedah Renti kerja dikekalkan.
4	SIP akan bayar elaun untuk bulan pertama 80% dan ia berkurang bulan demi bulan untuk 6 bulan. Pada bulan terakhir, iaitu bulan ke-6, kadar elaun adalah 30%. Baki pampasan akan dibayar oleh majikan sebagai faedah renti kerja.	Apabila sesebuah syarikat bankrap, ia memang tiada duit di syarikat untuk membayar pampasan. Maka, jumlah pampasan ETLB harus dibayar dalam masa 30 hari dari tarikh akhir pekerja diberhentikan kerja. Selain dari bayaran pukal pampasan mengikut ETLB, pekerja juga dicadangkan menerima, elaun bulanan 80% dari gaji terakhir selama tempoh masa 6 bulan. Amaun yang diterima oleh pekerja tidak bergantung pada bilangan bulan pencaruman mereka.
5	Caruman majikan ke Pusat Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) dikurangkan dari 1% ke 0.75% dan masukkan 0.25% itu ke SIP.	Majikan dan pekerja sumbang RM 0.50 setiap pihak ke dalam sebuah tabung khas. Sumbangan ini tidak melibatkan pengurangan sumbangan majikan ke dalam HRDF. Manakala dicadangkan Kerajaan juga mencarum peruntukan setahun sekali dalam tabung ini melalui kelulusan dalam Bajet tahunan.
6	Memberi latihan untuk penempatan kerja baru.	Memberi latihan untuk penempatan kerja baru.
7		Apabila wujud keadaan penutupan kilang dan kehilangan kerja, maka Jabatan Tenaga harus mengeluarkan arahan kepada bank untuk tangguhkan bayaran pinjaman perumahan/kereta pekerja sehingga pekerja terbabit memperoleh kerja baru.
8		Pekerja migran juga harus diambilkira dalam rang undang-undang ini kerana mereka juga merupakan jumlah tenaga kerja yang signifikan, iaitu dalam lingkungan lebih 2 juta di Malaysia. Pekerja migran juga harus diberi gantirugi, bayaran pukal, setimpal dengan gaji purata yang pekerja migran sepatutnya dapat sehingga kontrak tamat.

Sejak kempen jelajah dilancarkan oleh PSM pada pertengahan tahun lepas, sokongan yang diterima begitu menggalakkan daripada warga pekerja dan rakyat umum. Semua pekerja, sama ada pekerja tempatan atau pekerja migran, berhadapan dengan situasi ancaman pemberhentian kerja yang berterusan. Maka, polisi atau undang-undang yang dirancang haruslah memberi perlindungan kepada seluruh kelas pekerja di Malaysia tanpa diskriminasi.

Tuntutan PSM kepada KSM:

- Kementerian Sumber Manusia harus serius dalam pelaksanaan SIP, dan untuk memastikan ini, kertas kabinet harus dibawa ke sesi persidangan Parlimen pada bulan Mac 2017.
- Kementerian Sumber Manusia patut mengkaji cadangan tambahan yang diutarakan dalam kempen Tabung Pemberhentian Kerja supaya gabungkan dalam cadangan SIP untuk nampak lebih menyeluruh dan memberi perlindungan sempurna kepada pekerja yang hadapi pemberhentian kerja. ##

Pada 31 Januari lalu, pemandu-pemandu lori yang menganggotai Gabungan Pemandu Lori telah berpiket di hadapan ibu pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Kuala Lumpur dan menyerahkan satu memorandum kepada KWSP. Pemandu-pemandu lori ini mengadu tentang beberapa syarikat pengangkutan yang menipu dalam kiraan caruman KWSP untuk pemandu lori. Mereka juga menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap KWSP kerana tidak memainkan peranan yang sepatutnya dalam menangani situasi ini.

Syarikat pengangkutan yang berkenaan telah memanipulasi dalam pengiraan gaji pemandu lori, dengan membayar caruman KWSP berdasarkan gaji pokok yang rendah. Pemandu-pemandu lori tersebut menerima gaji pokok yang rendah dan bayaran “komisen”

Pemandu lori protes Majikan tipu kiraan KWSP

berdasarkan perjalanan. Pihak majikan telah mempergunakan nama “komisen”, seperti elaun perjalanan untuk menafikan caruman KWSP yang sepatutnya untuk pemandu lori

yang berkenaan.

“KWSP diwujudkan untuk melindungi keluarga pekerja semasa waktu persaraan mereka, dan untuk kurangkan beban kerajaan. Tindakan menipu caruman akan menjejaskan simpanan para pekerja dengan teruk,” demikian katanya Rani Rasiah, AJK Pusat PSM, yang menemani wakil pemandu lori semasa penyerahan memorandum di ibu pejabat KWSP.

Gabungan Pemandu Lori telah berjumpa dengan pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan KWSP untuk menerangkan masalah mereka. Pihak KWSP telah berjanji untuk menyiasat perkara ini. ##



Dasar pertanian kerajaan sekarang rugikan rakyat

oleh Banoo Vasudevan

Makanan merupakan keperluan yang paling asas bagi setiap masyarakat. Jadi, tidak dapat dinafikan bahawa menjamin pembekalan makanan yang cukup dengan harga yang munasabah merupakan antara tanggungjawab yang paling penting bagi sesebuah kerajaan. Ini adalah kerana makanan yang mencukupi bukan sahaja keperluan rakyat yang paling asas, tetapi ia juga menjamin keselamatan makanan (*food security*). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa keadaan yang mengganggu pembekalan makanan yang mencukupi boleh mengancam keselamatan rakyat. Namun demikian, Malaysia yang sudah merdeka hampir 60 tahun dan setelah pelaksanaan sepuluh Rancangan Pembangunan Lima Tahun, masih lagi bergantung kuat kepada sumber-sumber asing bagi memenuhi keperluan makanan kita. Malahan, kebergantungan ini bukan hanya terhad kepada makanan harian rakyat, tetapi juga bahan makanan bagi ternakan kita seperti ayam, itik, lembu dan juga bahan lain seperti baja, benih dan lain-lain. Kebergantungan ini mulai meningkat semenjak tahun 1970-an lagi.

Sebelum tahun 1990, Malaysia kurang bergantung kepada sumber-sumber luar negara bagi menampung keperluan makanan kita. Tetapi pada hari ini, perbelanjaan untuk mengimport makanan terus meningkat secara mendadak dari tahun ke setahun. Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan pengaliran keluar wang pertukaran asing kita yang bernilai berbilion-bilion ringgit setiap tahun, tetapi juga membebankan rakyat dengan harga barang-barang makanan yang begitu tinggi. Malaysia juga termasuk dalam golongan negara-negara yang membelanjakan begitu banyak wang untuk membeli makanan dari luar negeri. Marilah kita lihat jadual 1 yang berikut untuk memahami betapa seriusnya kebergantungan kita kepada sumber-sumber asing bagi memenuhi keperluan makanan kita.

Betapa seriusnya kebergantungan ini pada tahun-tahun yang kebelakangan ini. Ini akan jadi lebih jelas apabila kita sedar bahawa kita telah mengimport sebanyak RM 73 juta sehari ataupun berjumlah RM 26.28 bilion bagi tahun 2009. Angka ini telah meningkat menjadi RM 82 juta bagi setiap hari atau berjumlah RM 30.19

bilion bagi tahun 2010. Perbelanjaan mengimport bahan-bahan makanan telah terus meningkat dan pada tahun 2015 Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM 124 juta setiap hari atau pun sebanyak RM 45.39 bilion setahun hanya untuk mengimport makanan. (Akhbar *Sunday Star*, 24 Jul 2016)

Kesimpulannya, dalam tempoh enam tahun (2009-2015), perbelanjaan bagi mengimport makanan telah bertambah sebanyak hampir 80%. **Satu perkara berkaitan yang tidak masuk akal dan yang kita harus perhatikan ialah, dalam situasi yang tidak menyenangkan ini, kita juga eksport sayur-sayuran tempatan yang biasanya dibeli oleh rakyat jelata kepada negara-negara jiran seperti Singapura dan kemudiannya mengimport sayur-sayuran lain dengan harga yang mahal.** Patutkah wujud keadaan seperti ini di sebuah negara yang **terbukti** bahawa ianya **tidak** kurang mampu menghasilkan makanan yang cukup untuk keperluan rakyatnya?

Bagaimanakah Malaysia, yang semenjak berpuluh-puluh tahun dahulu menghasilkan bahan-bahan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, telur, daging dan sebagainya yang begitu banyak dan tidak selalu bergantung kepada sumber-sumber asing, pada hari ini telah berubah menjadi suatu negara yang bergantung begitu banyak kepada dunia luar bagi menampung keperluan makanannya? Negara kita dianugerahkan dengan tanah yang subur, iklim dan cuaca yang sesuai, kaum petani kita mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pertanian yang setanding dengan negara-negara lain. Jadi, apakah sebabnya kita kini berada dalam keadaan pergantungan ini? Adakah sebabnya kita lebih beruntung dalam keadaan pergantungan ini atau kita menjimat duit sekiranya beli makanan dari luar negeri? Ataupun adakah kerana suatu dasar yang menggalakkan penghasilan bahan-bahan makanan di dalam Malaysia merupakan satu dasar yang merugikan negara? Tidak sama sekali. Salah satu daripada faktor-faktor utama adalah dalam usaha untuk memajukan sektor perindustrian selepas bermulanya Dasar Ekonomi Baru, bidang pertanian, khususnya bidang penghasilan makanan diketepikan dan kurang diberi perhatian. Sumbangan pertanian kepada Pengeluaran Kasar Negara (GDP)



telah merosot dari 30% pada tahun 1970 kepada hanya 11.3% pada tahun 2013. Keluasan tanah yang digunakan untuk menanam buah-buahan, sayur-sayuran, padi dan sebagainya juga telah dikurangkan. Misalnya, pada tahun 2005, daripada jumlah keluasan tanah yang boleh digunakan untuk pertanian, hanya 30% sahaja yang digunakan untuk penanaman makanan. 70% keluasan tanah digunakan untuk tanaman komersial seperti getah, kelapa sawit dan lain-lain. Ini bererti bahawa tanaman-tanaman untuk eksport seperti getah, kelapa sawit dan koko digalakkan. Berbagai jenis bantuan disalurkan untuk mencapai matlamat meningkatkan eksport tanaman-tanaman komersial. Tetapi, mengapakah peruntukan untuk pertanian, khususnya peruntukan untuk pengeluaran makanan, dikurangkan? Dasar-dasar dan tindakan bagi memperbanyakkan hasilan makanan seperti yang diamalkan di banyak negara yang lain tidak dilaksanakan.

Satu fakta penting yang kita harus ingat ialah, rakyat Malaysia kini secara puratanya membelanjakan sebanyak 31.2% daripada pendapatan bersih (*disposable income*) mereka untuk makanan. (Malaysiakini 1 Ogos 2016) Ini merupakan tambahan daripada perbelanjaan bagi tahun 2014 yang sebanyak 20.6% daripada pendapatan bersih. Dalam kenyataannya, Menteri Kewangan Dua, Johari Abdul Ghani, sendiri mengakui (Akhbar *The Sun* 2 Ogos 2016) bahawa ketidakstabilan harga barang-barang makanan yang sentiasa naik dan membebankan,

akan menjadikan golongan berpendapatan rendah terus menderita. Kerajaan UMNO-BN nampaknya tidak mempunyai rancangan yang konkrit dan berjangkamasa panjang bagi membela nasib kumpulan tersebut. Sikap kerajaan UMNO-BN terhadap masalah ini jelas apabila kita sedar bahawa dalam Bajet 2017 yang dibentang oleh Perdana Menteri, walaupun diperuntukkan sebanyak RM 286 juta untuk menambahkan eksport tanaman-tanaman komersial seperti kelapa sawit, getah, koko dan lada, tetapi nampaknya, tiada satu sen pun diperuntukkan untuk menambahkan tanaman-tanaman makanan untuk memenuhi keperluan negara. Pada keseluruhannya, kerajaan hanya memperuntukkan sebanyak **RM 2 bilion** untuk pertanian, sedangkan peruntukan untuk pasukan polis sahaja berjumlah **RM 8.7 bilion**. Malahan, adalah diperuntukkan duit bagi membeli sebanyak 430,000 buah komputer bagi guru-guru di sekolah-sekolah kerajaan. Tindakan ini memang tidak masuk akal kerana berapa orang guru yang pada masa ini yang tidak mempunyai komputer? Sekiranya perlu, mengapa tidak diperuntukkan duit pinjaman tanpa faedah bagi guru-guru untuk membeli komputer? Inilah tindakan kerajaan yang yang bermoto **“Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”**. Rakyat sendiri boleh menilai dan mentafsir sikap dan kejujuran Kerajaan UMNO-BN berkaitan masalah-masalah rumit yang dialami oleh rakyat marhaen.

(sambung di m/s 11)

Jadual 1: Import bahan-bahan makanan dari luar negeri	
Tahun	Perbelanjaan (RM)
1990	4,581.80 juta
1996	9,056.20 juta
2000	13 bilion
2005	22 bilion
2010	30.19 bilion
2015	45.39 bilion



(sambung dari m/s 10)

Pada zaman sekarang, banyak negara sedang membangun yang lain sedang cuba sedaya upayanya untuk mencapai tahap **kecukupan sara diri (self-sufficiency)** dan **keselamatan makanan (food security)**. Tetapi apa yang sedang berlaku di negara kita adalah berbeza pula. Dasar dan tindakan ekonomi negara kini, khususnya dalam bidang pertanian tidak banyak menguntungkan rakyat, terutama sekali rakyat miskin dan golongan berpendapatan rendah? Ia hanya menguntungkan segelintir pengusaha dan peniaga besar yang mengaut keuntungan besar. Keadaan sedemikian lazim berlaku di bawah sistem ekonomi kapitalis atau neo-liberal di mana pengeluaran adalah untuk mencari keuntungan bagi segelintir kecil orang dan bukannya seperti di bawah sistem sosialis, di mana pengeluaran adalah untuk kegunaan dan kesejahteraan rakyat majoriti.

Kita perlu ingat bahawa Malaysia mengimport hampir **semua jenis bahan makanan yang paling penting, seperti beras, daging, sayur-sayuran, buah-buahan, bijiran dan lain-lain lagi**. Ini bererti bahawa negara kita sedang menghadapi satu masalah yang serius, kerana gagal menghasilkan bahan-bahan makanan yang cukup untuk memenuhi keperluan asas rakyat. Tahap pergantungan kita adalah tinggi. Sebenarnya, dalam keadaan yang meruncing ini, kita harus mengambil langkah-langkah yang relevan dan efektif supaya mencapai tahap Keselamatan Makanan dan juga Kedaulatan Makanan (*Food Sovereignty*) dalam satu jangka masa yang akan datang. Langkah-langkah tersebut adalah kunci bagi kita membebaskan negara kita daripada cengkaman negara-negara dan syarikat agro-bisnes gergasi dari luar negara pada masa akan datang. Kalau hanya melaungkan tentang betapa pentingnya Keselamatan Makanan dan Kedaulatan Makanan seperti yang dibuat oleh pemimpin UMNO tanpa langkah-langkah yang konkrit, seperti yang disebut atas, bererti mereka hanya melepaskan batuk atas tangga; dan hanya merupakan satu omong yang kosong. Parti UMNO dan kuncu-kuncunya dalam Barisan Nasional mungkin tidak percaya kepada pepatah melayu yang berbunyi “sediakan payung sebelum hujan”.

Pergantungan yang begitu tinggi pada negara-negara lain untuk membekalkan keperluan makanan kita, membawa beberapa masalah yang tidak boleh diatasi dengan begitu mudah. Masalah yang paling



Petani dan penternak di banyak kawasan di negeri Perak menghadapi pengusiran paksa daripada pihak yang berhubungan rapat dengan golongan berkuasa. Mereka telah mengadakan pelbagai aksi untuk menuntut hak tanah bagi bercucuk tanam dan juga perlindungan jaminan makanan bagi masyarakat umum.

utama berkaitan dengan keadaan ini ialah harga. Sememangnya harga akan sentiasa berubah, dan lazimnya menghadapi kenaikan yang kita tidak dapat kawal. Jadi, keadaan sedemikian sudah tentu akan menyusahkan dan merugikan rakyat kita.

Antara sebab-sebab yang boleh menggugat pengimportan makanan dan harganya adalah pergolakan politik dan peperangan. Kekacauan dan keadaan politik yang tidak stabil di mana-mana tempat di dunia boleh menjadi masalah kepada negara-negara seperti Malaysia yang bergantung kepada negara-negara asing bagi memenuhi keperluan makanannya. Ini bukan sahaja akan menjejaskan ketibaan bahan-bahan makanan tersebut tetapi juga menyebabkan harganya terus naik dan meletakkan kita dalam satu situasi yang genting. Peperangan di Timur Tengah dan pergolakan di beberapa negara yang lain sekarang, merupakan satu contoh yang jelas mengapa kita harus mengurangkan pergantungan kita kepada negara-negara lain dalam soal makanan.

Keadaan cuaca dan iklim yang buruk dan di luar jangkaan, seperti banjir, kemarau dan lain-lain di negara-negara yang mengeksport makanan, akan juga menjejaskan keadaan makanan di negara-negara pengimport seperti Malaysia. Sekiranya penghasilan bekalan makanan terganggu atau tidak mencukupi, maka harga bahan-bahan makanan yang diimport akan terus naik dan besar kemungkinan kita

akan mengalami satu krisis yang serius. Jadi, perlulah kita cuba sedaya upaya untuk mengelakkan keadaan seperti ini.

Satu lagi bahaya yang diakibatkan oleh keadaan sedemikian ialah, kerugian yang kita alami daripada aktiviti-aktiviti spekulasi yang akan menjejaskan kestabilan harga bahan-bahan makanan dan seterusnya menyusahkan negara-negara yang membeli makanan di pasaran dunia. Kesan seperti ini harus kita pandang serius.

Untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan tempatan, PSM mencadangkan supaya kerajaan menggalakkan lebih ramai petani, pengusaha-pengusaha swasta dan koperasi-koperasi rakyat dan pekerja terlibat dalam bidang pengeluaran makanan secara besar-besaran. Kerajaan harus rela untuk membenarkan pengusaha tersebut menggunakan tanah kosong kerajaan dan tanah pertanian yang terbiar untuk menghasilkan tanaman-tanaman makanan. Berkaitan dengan ini, pihak berkuasa harus memastikan bahawa keluasan tanah itu memadai dan memberi galakan kepada individu-individu untuk melibatkan diri dalam sektor pengeluaran makanan. Kerajaan juga perlu memberhentikan tindakan pengusiran terhadap pengusaha-pengusaha yang sudah lama mengerjakan tanah kerajaan untuk menghasilkan makanan, seperti

yang berlaku baru-baru ini di Siputeh dan Mambang Diawan di negeri Perak. Tindakan-tindakan yang zalim seperti ini tidak boleh diterima sama sekali.

Pada masa yang sama, kerajaan juga boleh memastikan supaya tanah-tanah tersebut tidak dikenakan cukai tanah ataupun menyewakan tanah-tanah tersebut pada kadar sewa yang minimum. Pihak berkuasa harus juga memberi subsidi dan menghulurkan bantuan kewangan untuk membantu pengusaha dalam membeli benih, baja, alatan dan sebagainya bagi menambahkan pengeluaran makanan negara. Satu harga minimum yang berpatutan dan terjamin, harus ditetapkan untuk setiap jenis tanaman bagi menjamin supaya pengusaha-pengusaha sama ada persendirian atau secara koperasi/kumpulan memperoleh pendapatan yang berpatutan dan menggalakkan. Pada masa yang sama, peranan orang tengah harus dihapuskan.

Kerajaan harus meneruskan dasar menambahkan pengeluaran makanan tempatan secara serius dengan peruntukan wang yang mencukupi bagi mengurangkan kebergantungan kita pada dunia luar. Langkah-langkah yang bijak untuk menjamin kemajuan dan kejayaan matlamat negara bagi mencapai keadaan Kecukupan Sara Diri Makanan juga harus diusahakan. ##



Petani di Mambang Diawan, Perak, menghadapi pengusiran daripada pemaju.



Petani yang menghadapi masalah pengusiran paksa berprotes di hadapan Bangunan SUK Perak pada 5 Ogos 2015.

Ulasan Buku

oleh Zaidi

Buku ke-7 oleh **Dr. Nasir Hashim** siap genap umurnya 70 tahun, tahniah kerana berjaya disiapkan dan dicetak menjadi sebuah buku! Menyiapkan penulisan di usia emas rasanya bukan sesuatu yang baru, cuma kelainannya beliau tidak menulis memoir. Itu bagi saya sesuatu yang menarik dan harus dibaca. Bukunya lebih daripada 500 muka surat, persepsi awal yang melihat kebanyakan akan berkata terlalu tebal, siapa mahu baca? Agak terlalu prejudis jika berpandangan sebegitu, dengan alasan zaman teknologi moden semua boleh digoogle sahaja. Tidak terlalu mengampu penulis, sekiranya saya katakan apa yang ditulis itu adalah pengalaman penulis sendiri dalam perjuangannya yang bertunjangkan sosialis. Seperti tajuk sajak penulis di awal halaman buku "Perjalanan Menuju Sosialisme". "Perjalanan" adalah satu proses yang panjang, jadi mana mungkin analisis perjuangannya hanya ditulis sekadar 80-100 halaman, seperti yang diperkatakan oleh penulis.

Praksis, gabungan antara teori dan praktik tak dapat dipisahkan serta perlu keseimbangan dalam perjuangan. Membaca kisah perjuangan yang lalu adalah membaca sejarah. Sejarah perjuangan yang dirintiskan oleh legasi-legasi sebelumnya, diteruskan oleh penulis, penunjuk arah mengenai perkara lalu dan dijadikan pedoman untuk masa kini. Membaca dan memahami sejarah perjuangan yang terdahulu itu penting supaya

Memperkasakan Rakyat - Analisis & Perjuangan

kesilapan perkara yang lalu tidak diulangi. Segala macam praktis itu harus dilihat kembali, diguna pakai sekiranya bersesuaian dengan keadaan setempat dan zaman. Ambil contoh seperti dikatakan penulis mengenai analisa kelas, kelas dalam masyarakat sendiri pun sudah semakin berkembang, tetapi harus diingat bahawa penindas dan yang tertindas masih wujud, yang berubah adalah strategi dan kaedah penindasan, tapi tujuan mereka masih sama iaitu mengaut keuntungan semaksimum mungkin. Ini dapat dilihat sebagaimana penulis menunjukkan permainan licik antara majikan, pemilik klinik panel dan farmasi dalam penindasan secara halus terhadap kebajikan dalam sistem kesihatan.

Analisisnya mengenai sesuatu perkara yang tidak terlepas dalam perjuangan kelas. Kesan besar daripada penindasan pekerja dengan gaji minimum yang tidak kena pada keadaan zaman dianalisa secara mendalam, mengenai kesannya, seumpama virus kecil yang merebak kepada keluarga, masyarakat dan pengakhirannya membesar serta memecah-belahkan institusi keluarga, melebarkan lagi jurang kemiskinan dan bercambahnya gejala-gejala sosial kepada masyarakat.

Satu perkara yang harus diperhatikan analisisnya mengenai punca dan wabak. Ramai yang terpedaya dan

terkeliru dengan penyelesaiannya dengan hanya menghapuskan wabak sedangkan punca permasalahan tidak dibahas dan diselesaikan, ramai yang menerima perkara ini seolah-olah sebagai takdir yang tidak mampu diubah. Institusi-institusi dan agamawan dipergunakan untuk memperkuat hujah-hujah tersebut. Sebagaimana sistem dari perhambaaan, feodalisme sehingga neoliberalisme itu berkembang, ini diceritakan secara menyeluruh, pergerakan penindasan dalam sistem kapitalisme. Bagaimana sistem kapitalisme itu mempergunakan senjata-senjata ampuh mereka dengan isu-isu kaum dan agama supaya rakyat itu tidak bersatu dan berpecah-pecah bagi mempermudah mereka untuk mengawal dan mengadu domba. Penulis juga tidak terlepas pandang, dalam analisisnya sentiasa mengambil gambaran krisis-krisis yang pernah berlaku di Malaysia, seperti krisis MAS 1979, Perlembagaan 1993, konflik raja-raja dan sebagainya.

Penulis memandang tinggi hubungan spiritualiti dalam perjuangan. Bagi penulis, spiritualiti dapat mengisi kekosongan dalam perjuangan itu sendiri. Bagaimana hubungan

manusia dengan alam, dialektika dalam kehidupan dan perjuangan diterangkan secara terperinci oleh penulis. Diselang-seli juga dengan gambarajah-gambarajah yang amat membantu pembaca untuk memahami dengan lebih jelas tentang pergerakan dan pencaturan kapitalisme untuk terus menindas. Bagaimana pergerakan hubungan antara kapitalis negara dan global, pembangunan sosial yang sentiasa bergolak dan pincang, sistem budaya-budaya kebergantungan yang dicipta oleh kapitalisme supaya rakyat sentiasa terbelenggu pemikirannya.

Seperti pengantar oleh Dr. Halim di awal buku ini, ketika ramai orang-orang kiri ikut terbisik oleh "ayat setan" Thatcher. Saya rasakan penulis tidak pernah terpedaya dengan bisikan "ayat setan" itu. Saat orang lain mulai lelah dan sempit, merasakan sosialisme itu telah mati, penulis tanpa keluh kesah dan ragu, masih yakin dan berpegang teguh dengan sosialisme. Bagi saya, menulis adalah satu "wasiat kekal" dan sentiasa ada ketika mana helaian-helaian buku itu sentiasa dibeleg untuk dibahaskan, maka ilmu itu akan terus berkembang. ##



KUIZ PEKERJA

Jawapan

1. Mengikut Akta Kerja 1955 (Akta 265), di bawah Seksyen 60D(1)(a) dan 60D(1)(b),

Setiap pekerja berhak mendapat **11 hari cuti berbayar** daripada mana-mana hari cuti umum (hari kelepasan am) yang telah diwartakan dalam mana-mana satu tahun kalendar dan juga mana-mana cuti yang diisytiharkan oleh kerajaan sebagai cuti umum mengikut Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan 1951.

Senarai **Hari Kelepasan Am Persekutuan** seperti berikut:

- Hari Pekerja
- Hari Raya Puasa
- Tahun Baru Cina
- Hari Deepavali
- Hari Keputeraan Muhammad (s.a.w).
- Hari Wesak
- Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong
- Hari Raya Haji
- Hari Krismas
- Awal Muharram
- Hari Kebangsaan atau Hari Kemerdekaan
- Hari Malaysia

Hari Kelepasan Am Negeri pula seperti berikut:

- Tahun Baru (kecuali Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu)

- Hari Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya sahaja)
- Hari Keputeraan Sultan/Yang di Pertua Negeri (untuk negeri-negeri yang berkenaan sahaja)
- Thaipusam (Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan sahaja)
- Israk dan Mikraj (Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan sahaja)
- Good Friday (Sabah dan Sawarak sahaja)
- Hari Hol (Pahang sahaja)
- Hari Hol Almarhum Sultan Ismail (Johor sahaja)
- Awal Ramadhan (Johor, Melaka dan Kedah sahaja)
- Nuzul Quran (kecuali Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah dan Sawarak)
- Hari Ulangtahun Perisytiharan Tapak Warisan Dunia (Pulau Pinang sahaja)
- Hari Kemerdekaan Sarawak (Sawarak sahaja)
- Pesta Keamatan (Sabah dan Labuan sahaja)
- Hari Gawai Dayak (Sarawak sahaja)

2. Mengikut Seksyen 60D(1) Akta Kerja, **5 hari cuti umum yang WAJIB** ialah:

- Hari Kebangsaan**
- Hari Keputeraan Yang di Pertuan Agong**
- Hari Keputeraan Sultan atau Yang di Pertua Negeri atau Hari Wilayah Persekutuan**
- Hari Malaysia**
- Hari Pekerja**

Penghuni rumah pangsa kos rendah mahukan perubahan dasar

Pada 23 Februari lalu, wakil daripada Jawatankuasa Rumah Kos Rendah Daerah Hulu Langat telah menyerahkan surat untuk mendapatkan temujanji dengan Menteri Besar Selangor, Azmin Ali, berkenaan masalah-masalah penyelenggaraan di rumah pangsa kos rendah.

Isu penyenggaraan rumah flat kos rendah bukanlah satu isu baru, tetapi satu isu kritikal yang perlukan kesungguhan politik untuk menyelesaikannya. Siapakah yang sanggup hidup di persekitaran kawasan perumahan yang dipenuhi sampah-sarap, tiada keselamatan untuk harta benda mahupun penghuni flat, bayaran penyelenggaraan bulanan yang tinggi, tiada lampu dan bekalan elektrik serta masalah sosial di kalangan remaja.

Namun, rakyat golongan berpendapatan rendah tiada pilihan lain kerana mereka tidak mampu untuk membeli rumah teres yang harganya melambung tinggi. Justeru, adalah penting untuk kerajaan tempatan mengambilalih penyenggaraan rumah pangsa kos rendah.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni Rumah Pangsa Kos Rendah:

1. Tidak dapat mengutip yuran penyelenggaraan kerana tidak dibayar oleh
 - i. lebih daripada 80% penghuni yang merupakan penyewa,
 - ii. mereka yang berpendapatan

rendah memang tidak mampu bayar.

2. Tidak dapat membentuk JMB (Jawatankuasa Pengurusan Bersama) yang berkesan kerana
 - i. pemilik unit flat yang menduduki di flat-flat sangat kurang;
 - ii. tanggungjawab berat dan orang tidak mahu beri komitmen;
 - iii. tiada motivasi untuk menguruskan JMB.

3. Tiada dewan serbaguna yang boleh diguna untuk pelbagai aktiviti komuniti seperti kelas tuisyen, sambutan perayaan, kelas kebudayaan, kelas komputer dan sebagainya.

4. Terlalu banyak bil dan penghuni tidak mampu bayar.
 - setiap bulan perlu bayar bil penyelenggaraan (*maintenance*) kepada JMB.
 - setiap 6 bulan perlu bayar cukai taksiran kepada Majlis Perbandaran.
 - setiap 12 bulan perlu bayar cukai tanah kepada Pejabat Tanah.
 - bayaran bil air dan elektrik yang agak tinggi setiap bulan.

Tuntutan Penghuni Rumah Pangsa Kos Rendah adalah seperti berikut:

1. Penghuni Rumah Pangsa Kos Rendah hanya perlu membayar dua jenis cukai, iaitu cukai tanah



(setahun sekali) dan cukai pintu (6 bulan sekali) sepertimana rumah teres kos rendah.

- Bayaran harus dibuat terus kepada Majlis Perbandaran dan Pejabat Tanah.
- Bayaran harus meliputi kutipan sampah, pembersihan koridor, pembersihan longkang, taman permainan, lampu jalan dalam kawasan flat dan jalanraya dalam kawasan flat.

2. Kutipan untuk bayaran bil bagi penggunaan lampu koridor flat dan air yang digunakan secara bersama harus dimasukkan dalam bil elektrik dan air secara purata dalam bil masing-masing (semua penghuni).

3. Satu peruntukan tahunan seperti yang diperoleh Rukun Tetangga harus diberikan kepada JMB untuk membolehkan mereka melakukan aktiviti sosial dan kebajikan bagi semua penghuni rumah pangsa kos rendah, demi mewujudkan masyarakat yang lebih bersatupadu. JMB juga harus dibuka

kepada semua penghuni termasuk mereka yang menyewa untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang penting dan menyumbang kepada pembangunan rumah pangsa tersebut.

4. Setiap rumah pangsa kos rendah wajib mempunyai kawasan dewan serbaguna atau bilik aktiviti untuk masyarakat, di mana dewan itu boleh diuruskan oleh JMB. Jika tiada, maka kerajaan perlu membina kemudahan tersebut.

5. Mewujudkan tempat perniagaan dan peluang perniagaan di kawasan flat secara teratur dan tersusun untuk membolehkan masyarakat di flat tersebut terlibat dalam aktiviti mikro-ekonomi. Sewa boleh dibayar kepada JMB dan wang ini boleh digunakan untuk menyelenggarakan pejabat dan mengupah kakitangan sepenuh masa.

6. Insurans tahunan dan audit tahunan adalah terlalu tinggi sehingga pihak JMB tidak boleh membiayainya. Maka dicadangkan proses audit dilakukan melalui satu syarikat audit yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan bayaran yuran yang terendah. Syarikat insurans juga diletak di bawah pengawasan COB agar perkhidmatan mereka adalah baik dengan bayaran yang munasabah. ##

Orang Asli Ledang pertahan hak tanah adat

Perbadanan Taman Negara Johor telah memulakan projek membina pagar dan mengorek longkang di atas tanah adat Orang Asli di Ledang, Johor. Tindakan pihak Perbadanan Taman Negara Johor tersebut merosakkan tanaman, mengancam kubur nenek moyang, dan menghalang kebebasan Orang Asli untuk mengakses kawasan hutan rayau sejak turun-temurun.

Pada 10 Januari lalu, Orang Asli dari Kampung Sungai Air Tawas, Tanah Gembur dan Kampung Sungai

Mering, Ledang, telah memfailkan saman terhadap Kerajaan Negeri Johor kerana kegiatan membina pagar dan mengorek longkang sejak November yang lalu telah mencabuli hak tanah adat mereka.

Pembinaan pagar di kawasan tanah adat Orang Asli ini umpama menghalang perhubungan Orang Asli dengan kawasan hutan rayau dan tanah adat mereka yang mempunyai puluhan kubur nenek moyang Orang Asli di situ. Orang Asli bimbang bahawa projek kontraktor akan

memusnahkan kubur nenek mereka. Projek yang dijalankan itu tiada manfaat untuk masyarakat setempat dan Orang Asli sendiri. Pengorekan yang berlaku hingga setakat ini hanya berjarak beberapa meter sahaja dari kubur nenek moyang Orang Asli. Pembinaan pagar pula menyekat

kebebasan Orang Asli dan juga mengancam habitat semulajadi haiwan. Ini seakan membina tembok sempadan di Gaza Palestin. Kehidupan turun-temurun, kebahagiaan dan ketenteraman, adat resam dan kehidupan Orang Asli dicabuli dan ditindas tanpa ada sebarang perbincangan atau rundingan. Rezeki Orang Asli seperti hasil kebun juga menjadi sukar diangkut pulang akibat pagar dan longkang yang sedang dibuat.

Perkampungan Orang Asli yang terlibat tidak pernah diberitahu apa-apa kecuali notis memulakan kerja yang dikeluarkan oleh kontraktor Zila Maju Enterprise pada 30 November 2016. Tiada sebarang surat atau makluman sebelum itu. Tiada papan pemberitahuan menunjukkan bahawa ada rancangan membuat projek dan projek sedang dijalankan. Hal ini berkemungkinan tiada kebenaran merancang daripada Majlis Daerah Tangkak. Pihak kontraktor dengan sewenang-wenangnya merosakkan tanaman dan pada masa yang sama mencuri hasil hutan.

Orang Asli menyedari tentang kerja-kerja pembinaan projek apabila pihak

kontraktor memasukkan jentera berat ke perkampungan mereka pada 14 November 2016. Masyarakat Orang Asli di situ sudah 4 kali berjaya menghentikan kerja-kerja kontraktor. Masyarakat Orang Asli memohon injuksi mahkamah supaya pencabulan hak dan pencerobohan ke atas Tanah Adat Orang Asli dihentikan serta-merta.

Masyarakat kampung Orang Asli yang berkenaan telah membuat aduan polis pada 27 Disember 2016, dan pihak polis telah melawat kawasan berkenaan pada 3 Januari 2017.

Tuntutan Orang Asli di perkampungan yang dijejaskan oleh pelaksanaan projek Perbadanan Taman Negara Johor ialah:

- Hentikan serta-merta semua kerja pembinaan pagar dan pengorekan longkang di perkampungan mereka.
- Merobohkan pagar yang telah dibina dan mengambus semula semua tanah yang dikorek.
- Tiada lagi jentera berat dibenarkan masuk ke kampung Orang Asli. ##



Hari Wanita Sedunia Berani untuk berubah

Hari Wanita Sedunia disambut pada 8 Mac setiap tahun. Asal usul sambutan hari yang amat bermakna ini berkait rapat dengan gerakan kiri pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sambutan Hari Wanita Sedunia mengingatkan kita semua tentang penindasan yang masih dihadapi golongan wanita, dan juga perjuangan hebat kaum wanita dari dulu sampai sekarang untuk membebaskan diri daripada segala bentuk keganasan, pemerasan, penindasan dan diskriminasi.

Walaupun status wanita dalam masyarakat dunia hari ini telah meningkat dengan signifikannya berbanding seratus tahun dahulu, namun masalah ketidaksetaraan gender masih wujud di seluruh dunia.

- Antara isu-isu ketidaksetaraan gender yang wujud pada hari ini adalah:
- Secara puratanya, wanita yang bekerja sepenuh masa hanya menerima gaji yang bersamaan dengan 77% daripada gaji purata lelaki yang bekerja sepenuh masa.
 - Ramai wanita diupah dalam sektor tidak formal yang tidak mempunyai perlindungan hak pekerja.
 - Sebanyak 4/5 mangsa perdagangan manusia adalah wanita.
 - 35% wanita pernah mengalami keganasan seksual atau keganasan fizikal.
 - 2/3 daripada penduduk dunia

yang buta huruf adalah wanita (lebih kurang 500 juta orang).

- Pada tahun 2015, di hampir 200 buah negara di dunia, hanya 21 orang pemimpin negara adalah wanita.
- Hanya 22% wakil rakyat di negara-negara dalam dunia ini adalah wanita.

Penindasan berasaskan perbezaan gender yang dihadapi kaum wanita adalah disebabkan oleh sistem patriarki dan pemerasan kapitalis yang masih wujud dalam masyarakat pada hari ini. Kemunculan sistem patriarki dalam masyarakat (iaitu susunan masyarakat yang memusatkan kuasa ke dalam tangan golongan lelaki yang memiliki kuasa pemerintahan) berkait rapat dengan kemunculan masyarakat kelas, di mana berlakunya pemisahan kerja yang sehingga terjadinya pengagihan kekayaan masyarakat yang tidak samarata antara lapisan masyarakat yang berbeza status sosio-ekonomi. Kedua-dua kaum lelaki dan wanita, khususnya mereka daripada golongan kelas bawahan, menjadi mangsa kepada sistem penindasan yang berasaskan gender di bawah dominasi kekuasaan patriarki ini.

Untuk golongan kiri, pembebasan wanita daripada penindasan secara gender bukan sekadar perjuangan golongan wanita sahaja, tetapi golongan lelaki juga perlu memainkan peranan dalam memperjuangkan sebuah masyarakat yang bebas

daripada segala bentuk pemerasan dan penindasan. Penghapusan buruh yang tidak dibayar dalam keluarga, adalah satu prasyarat yang penting untuk pembebasan wanita daripada pemerasan sistem kapitalis yang juga bersifat patriarki. Ini hanya dapat dilakukan melalui transformasi masyarakat ke arah sosialis.

Dari sejarah perjuangan kelas sebelum ini, kita juga dapat menyaksikan peranan penting yang dimainkan oleh golongan wanita dalam menggerakkan perubahan masyarakat.

Di dunia yang penuh dengan gelora dan sentiasa berubah-ubah hari ini, wanita seluruh dunia berdepan dengan cabaran baru. Walaupun masyarakat kita semakin bertambah maju dengan perkembangan teknologi dan peningkatan dalam produktiviti, tetapi di bawah sistem kapitalis global yang lebih mementingkan keuntungan korporat daripada kehidupan rakyat, golongan wanita diancam dengan sistem kerja tidak formal (pekerjaan kontrak, penyalahgunaan dan sebagainya), pendapatan yang tidak stabil, dan juga kesan-kesan buruk daripada dasar-dasar fiskal dan perdagangan yang menghakis hak rakyat.

Pada tahun 2015, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah



mengemukakan Matlamat Pembangunan Mampan, yang meletakkan kesamarataan gender dan pemeraksanaan semua wanita di tengah-tengah Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan. Dunia semakin hari semakin sedar tentang kepentingan mencapai kesamarataan gender dalam merealisasikan masyarakat yang lebih adil dan membangun secara mampan. Namun, matlamat sebegini hanya dapat dicapai dan dikekalkan pencapaiannya dengan penyertaan aktif golongan wanita dalam perjuangan sosial.

Tiba masanya untuk kita mengemblem tenaga kita, tanpa mengira gender, untuk menamatkan penindasan yang berasaskan gender. Kita perlu berani dan tegas untuk menuntut perubahan masyarakat yang memastikan kesamarataan gender dan membebaskan kaum wanita daripada segala bentuk penindasan. ##

Sambutan Hari Wanita jadi pencetus revolusi

Siri Ulangtahun ke-100 Revolusi Rusia

Tahukah anda, sambutan Hari Wanita sedunia pernah mencetuskan revolusi yang mengubah sejarah dunia?

Aksi demonstrasi sambutan Hari Wanita Sedunia di Saint Petersburg, Rusia, pada 100 tahun yang lalu, telah menggegarkan seluruh dunia kerana aksi tersebut menjadi pencetus kepada revolusi hebat yang akhirnya menjatuhkan Empayar Tsar Rusia!

Wanita di Rusia mula menyambut Hari Wanita Sedunia pada tahun 1913, setelah gerakan kiri

antarabangsa telah meluluskan usul untuk cadangan meraihan Hari Wanita Sedunia bagi memperingati perjuangan pekerja wanita dalam menuntut hak mereka, termasuk bayaran gaji yang setimpal, keadaan kerja yang lebih baik dan hak mengundi.

Pada hari Khamis terakhir bulan Februari 1917 mengikut Kalendar Julian yang digunakan di Rusia pada masa itu (iaitu 8 Mac mengikut Kalendar Gregorian), pekerja-pekerja wanita Rusia telah bermogok dan berdemonstrasi di jalanan dengan tuntutan untuk "roti dan keamanan". Mereka menuntut pada kerajaan Tsar Rusia pada masa itu untuk menarik diri daripada Perang Dunia I dan menyelesaikan masalah kekurangan makanan di Rusia. Tambahan pula, terdapat juga tuntutan untuk menamatkan

pemerintahan Tsar.

Pekerja-pekerja tekstil di Saint Petersburg yang kebanyakannya kaum wanita, memulakan mogok kerja. Mereka telah menghantar wakil untuk meminta sokongan daripada pekerja yang lain, sehingga mencetuskan mogok besar-besaran, dan kemudiannya semua pekerja turun berdemonstrasi di jalanan ibu negara Rusia. Peristiwa bersejarah ini telah digelar sebagai "Revolusi Februari".

Tiada siapa pun pada masa itu boleh menjangkakan bahawa sambutan Hari Wanita di Rusia ini boleh menjadi pencetus kepada revolusi. Sememangnya, aksi revolusioner boleh dijangkakan tetapi tiadanya tarikh. Apabila pekerja bermogok, seluruh ekonomi lumpuh dan rejim pemerintah tergugat dengan hebatnya. Oleh sebab pimpinan tentera Rusia pada masa itu mendapati bahawa mereka tidak dapat melenyapkan revolusi tersebut, maka memaksa Tsar Nicholas II untuk undur dari takhtanya. Akhirnya, Empayar Tsar Rusia jatuh seminggu

selepas tercetusnya Revolusi Februari.

Revolusi Februari menjadi pembuka tirai kepada pergolakan politik baru di Rusia apabila kesedaran kelas pekerja di Rusia semakin meningkat selepas itu. Akhirnya, dalam tempoh masa 8 bulan, berlakunya satu lagi revolusi sosial yang hebat, iaitu Revolusi Oktober, yang menggulingkan kerajaan kapitalis pada masa itu dan digantikan dengan pemerintahan revolusioner yang diterajui oleh Parti Bolshevik. Revolusi Oktober menjadi peristiwa sejarah yang amat penting selepas Revolusi Perancis, kerana revolusi tersebut mewujudkan sebuah negara baru yang bakal mencabar kekuasaan kapitalis imperialis sedunia. Sejarah dunia pada abad ke-20 juga dibentuk semula dengan Revolusi Rusia.

Tangan wanita bukan sahaja menghayun buaian bayi tetapi mampu menggegarkan dunia, seperti yang ditunjukkan dalam perjuangan revolusi 100 tahun dahulu. ##





Kredit adalah “kepercayaan” yang membolehkan sesuatu pihak meminjam wang atau sumber kebendaan kepada orang lain (yang menjadi penghutang), di mana penghutang tidak perlu membayar balik serta-merta tetapi membayar balik beberapa ketika selepas itu (dan biasanya dengan pulangan faedah). Oleh itu, secara ringkasnya, **sistem kredit adalah sistem pinjaman dengan pulangan berfaedah.**

Seorang lintah darat meminjam wang kepada seseorang, mengenakan syarat bahawa wang itu perlu dipulangkan dengan amaun nilai yang lebih banyak, di mana lebihan wang itu dipanggil faedah, bunga atau riba.

Sistem kredit diuruskan oleh bank di bawah sistem kapitalis, di mana bank mengumpulkan wang melalui simpanan wang orang ramai dan meminjam wang yang dikumpulkan itu untuk pelaburan dalam pengeluaran nilai surplus supaya dapat memperoleh nilai surplus itu melalui pulangan faedah.

Sistem kredit adalah asas utama untuk syarikat swasta kapitalis berubah menjadi syarikat pegagan saham secara beransur-ansur. Sistem kredit membolehkan kapitalis mendapatkan lebih banyak modal untuk dilaburkan dalam pengeluaran (khususnya dalam pembaharuan modal tetap) untuk tujuan pengumpulan modal mereka.

Sifat kedualan yang kekal wujud dalam sistem kredit:

i. Membangunkan kuasa penggerak untuk pengeluaran kapitalis (iaitu menjadi kaya melalui pemerasan ke atas tenaga buruh orang lain) menjadi sistem penipuan perjudian yang paling tulen dan terbesar, di samping menyebabkan golongan minoriti yang mengeksploitasi kekayaan masyarakat itu semakin berkurangan.



Pemberi pinjam wang yang makan riba atau lintah darat pada Zaman Pertengahan di Eropah.

Apa itu kredit?

[Bahagian 1]

ii. Mewujudkan bentuk peralihan untuk berubah kepada satu corak pengeluaran yang baru.

Perdagangan atau aktiviti komersial berasal daripada perkembangan yang tidak seimbang dalam pengeluaran antara kelompok masyarakat yang berlainan. Kredit (pinjaman berfaedah berasaskan kepercayaan) berasal daripada perkembangan yang tidak seimbang dalam pengeluaran antara pengeluar yang berlainan dalam kelompok masyarakat yang sama. Sejak aktiviti penternakan atau pertanian dijalankan berasaskan pengurusan persendirian, disebabkan perbezaan yang wujud (kerana kebolehan yang berlainan, kesihatan ternakan yang berbeza, kesuburan tanah yang berbeza dan pelbagai faktor persekitaran), maka timbulnya ketidakseimbangan dalam pengeluaran.

Ketidakseimbangan dalam perkembangan antara pengeluar yang berbeza dalam satu kelompok masyarakat tidak menyebabkan perkembangan kredit secara automatik. Kredit bukannya satu sistem yang semulajadi, tetapi adalah hasil hubungan sosial yang tertentu. Semasa proses keruntuhan komuniti primitif yang berlarutan untuk jangka masa yang berpanjangan, dalam satu tempoh peralihan yang sangat lama, pengurusan persendirian dan buruh kerjasama dijalankan secara bersama. Dalam masyarakat yang berasaskan buruh kerjasama, tidak wujudnya kredit. Hanya wujudnya hubungan saling bantu-membantu (solidariti) dalam masyarakat begini, iaitu anggota komuniti yang lebih bertuah (atau lebih berkemampuan) akan membantu anggota komuniti yang kurang bertuah (atau kurang kemampuan), di mana orang yang menghulurkan bantuan tidak mengharap apa-apa balasan kebendaan. Masih wujudnya hubungan sebegini dalam banyak masyarakat pribumi / orang asal pada masa kini.

Apabila hubungan pertukaran barangan dan pembahagian buruh semakin berleluasa, hubungan saling bantu-membantu antara anggota satu kelompok masyarakat yang sama digantikan dengan konsep hubungan persamaan nilai yang berasaskan ekonomi buruh-masa. Apabila pengeluaran nilai tukar semakin mengatasi pengeluaran semata-mata untuk nilai guna, pinjaman tanpa faedah dan saling bantu-membantu semakin digantikan dengan **pinjaman yang berfaedah.**

Peredaran komoditi membawa kepada peredaran matawang, dan **ekonomi matawang** akan berkembang dalam setiap aspek dalam masyarakat itu. Dalam ekonomi matawang, **matawang** bukan semata-mata **alat pertukaran** sahaja, tetapi pada masa yang sama juga menjadi **objek pertukaran.**



Ekonomi matawang berpisah keluar daripada aktiviti perdagangan semata-mata, seperti aktiviti perdagangan itu berpisah keluar daripada aktiviti pembuatan kraf sebelum itu.

Semasa ekonomi matawang baru sahaja berkembang, logam berharga (seperti emas dan perak) merupakan bahan yang jarang didapati dan peredarannya adalah terhad. Matawang logam biasanya digunakan sebagai dana rizab atau simpanan. Untuk memastikan simpanan matawang ini selamat, mereka yang memiliki harta wang mengamanahkannya kepada institusi-institusi yang “dihormati” untuk penjagaan. Institusi-institusi ini biasanya adalah kuil atau biara, secara tidak sengaja menjadikan institusi ini sebagai agensi kredit yang terawal.

Apabila berkembangnya aktiviti komersial yang lebih besar, peredaran logam berharga turut berkembang selanjutnya. Perniagaan komersial besar pada awalnya kebanyakannya adalah menguruskan perdagangan antarabangsa. Pada masa yang sama dengan perkembangan perdagangan antarabangsa, munculnya matawang syiling yang banyak tetapi berasal dari tempat berlainan dan berbeza kualitinya, maka perlunya pertukaran mengikut nilai sebenar masing-masing. Jadi, lahirnya golongan yang menguruskan pertukaran matawang. Pengurup matawang dan peniaga logam berharga memberi jaminan kepada pemilik logam berharga untuk menyimpan harta mereka (dalam bentuk matawang syiling). Pengurup matawang dan peniaga logam berharga menjadi penjaga harta terawal yang bukan berasaskan institusi agama, yang kemudiannya menjadi pengusaha bank yang terawal.

Apabila kelas borjuasi, lintah darat (pemimjam wang dengan faedah

tinggi) dan peniaga semakin ramai, wujudnya **pertukaran matawang (currency exchange)** yang sebenar. Perkembangan perdagangan antarabangsa mewujudkan keperluan untuk sistem kredit yang berkekalan. Oleh sebab wujudnya jarak masa antara pembelian barang dan penyerahan barang, jarak kedudukan antara pembeli dan penjual, keperluan untuk memindahkan matawang yang banyak antara kawasan yang berjauhan, tambahan pula dengan harga matawang yang sentiasa berubah-ubah, maka membawa kepada keperluan untuk mewujudkan kredit perniagaan atau **“kredit peredaran”**. Alat kredit seperti kiriman wang dan baucar pembayaran diwujudkan apabila perdagangan antarabangsa bertambah maju. Namun, kredit yang dibekalkan oleh nota-nota janji hutang pada awalnya tidak mengembangkan skop aktiviti modal, hanya mempercepatkan pemutaran modal dan memaksimumkan kegunaan modal.

Selepas itu, munculnya **kredit pelaburan**, iaitu **pinjaman yang diberikan kepada syarikat yang mengeluarkan nilai surplus**, barulah skop aktiviti modal itu diperluaskan. Matawang yang disimpan dalam peti keselamatan adalah matawang yang tidak “menghasilkan faedah”, tetapi apabila dipinjamkan kepada kapitalis, ia menjadi modal, dan terlibat dalam pengeluaran nilai surplus.

Dengan perkembangan modal perniagaan, fenomena kredit yang unik menjadi sistem yang biasa dalam kehidupan ekonomi. Kiriman wang (*money order*) menjadi alat yang biasa digunakan dalam perlepasan kredit peredaran, pada masa yang sama untuk menjadi alat untuk pelaburan jangka masa pendek bagi modal matawang yang “tiada faedah”. Dengan itu, berkembangnya **pasaran modal matawang.**

(sambung di edisi akan datang)

Orang Asli Gua Musang

Bantah pencabulan hak tanah adat

Pada 15 Februari lalu, wakil masyarakat Orang Asli (OA) dari Gua Musang, Kelantan, bersama dengan organisasi masyarakat sivil, parti politik dan juga rakyat yang prihatin, telah mengadakan satu aksi bantahan di hadapan ibu pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di Kuala Lumpur. Satu memorandum telah diserahkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk membantah tindakan kejam dan kebiadapan Jabatan Perhutanan terhadap masyarakat OA, khususnya di Kelantan.

Pada 23 Januari dan 6 Februari lalu, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) menjalankan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Perhutanan untuk merobohkan blockade yang didirikan oleh Orang Asli yang cuba mempertahankan hutan dan habitat mereka daripada dimusnahkan. Masyarakat OA telah memelihara habitat hutan sejak beberapa ratus tahun dahulu dan bergantung pada hutan untuk rezeki mereka. Namun, perkara ini tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa yang berpihak pada golongan yang hanya mementingkan keuntungan.

Melalui kenyataan akhbar Jabatan Perhutanan Kelantan (JPNK) bertarikh 24 Januari lalu, adalah difahamkan bahawa operasi bersepadu tersebut turut dibantu oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Batalion 8 Pasukan Gerak Am (PGA) Pengkalan Chepa, Kelantan dan pasukan Polis Di-Raja Malaysia Kontinjen Kelantan.

JPNK memberikan alasan bahawa blockade yang didirikan oleh Orang Asli itu berada dalam kawasan Hutan Simpan Kekal di kompartmen 245 Hutan Simpan Balah, kompartmen 260 Hutan Simpan Perias dan kompartmen 27 Hutan Simpan G. Stong Selatan.

Jabatan Perhutanan mengatakan bahawa, blockade yang didirikan OA itu melanggar Enakmen Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) kerana status kawasan yang didirikan halangan (blockade) dan pondok-pondok merupakan kawasan berstatus Hutan Simpanan Kekal dan bukannya kawasan perkampungan mereka yang sebenarnya.

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dengan restu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, nampaknya bermaharajalela dengan Akta 313, Akta Perhutanan Negara 1984.

Tidaklah mereka sedar bahawa semua Akta perlu patuh dan harus selaras dengan Perlembagaan Persekutuan? Tiada mana-mana Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang boleh bertindak atau membentuk mana-mana perundangan, polisi dan mengeluarkan lesen pengeluaran hasil hutan yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan peruntukan khas kepada Orang Asli di bawah Perkara 8, Kesamarataan, di mana Perkara 8(1) menyatakan bahawa "semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang". Hak khusus untuk Orang Asli juga termaktub dalam Perkara 8(5), iaitu, "Perkara ini tidak menidaksahkan atau melarang (c) apa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau kemajuan orang asli Semenanjung Tanah Melayu (termasuk perizaban tanah) atau bagi perizaban bagi orang asli suatu perkadaran yang munasabah daripada jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam."

Mengikut Akta Orang Asli 1954 pula, pajakan pembalakan tidak boleh diberikan tanpa kelulusan Ketua Pengarah. Jika Ketua Pengarah sendiri bersetuju untuk permit pembalakan, bagaimanakah JPNK boleh memberikan kelulusan tanpa berunding dengan penduduk OA di situ?

JPNK melanggar Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan juga melanggar peruntukan Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, yang menyatakan bahawa "Badan Perundangan sesuatu Negeri berkuasa membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak disebut satu persatu dalam mana-mana senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, iaitu yang bukan suatu perkara yang berkenaan dengannya Parlimen berkuasa membuat undang-undang". Ini bermaksud oleh kerana kebajikan Orang Asli disenaraikan dalam perkara 16 (Jadual Kesembilan) senarai Persekutuan, maka pihak Kerajaan Negeri atau Jabatan Perhutanan Negeri tiada kuasa untuk membuat apa jua tindakan yang bercanggah atau menjejaskan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan ini.

Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Perhutanan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan baru-baru ini jelas telah menjejaskan kebajikan, cara hidup dan adat resam Orang Asli. Pada 6 Februari lalu juga, semua pondok termasuk balai adat yang didirikan oleh Orang Asli telah dirobohkan dengan jentolak dan dibakar!

Dalam memorandum yang diserahkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, masyarakat OA di Gua Musang dan juga organisasi yang menyokong memorandum tersebut telah menuntut agar:

1. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan menghentikan dengan segera segala operasi ke atas Orang Asli yang mendirikan blockade di hutan Gua Musang.
2. Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 8(5)(c) yang memberikan hak istimewa kepada Orang Asli terutamanya dalam isu perizaban tanah, dan tanggungjawab menjaga kebajikan Orang Asli yang jatuh di bawah Perkara 16 (Jadual Kesembilan) Senarai Persekutuan, maka pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia harus menasihati JPNK supaya patuh kepada skop kuasa Persekutuan ini dan tidak tunduk kepada kemahuan pembalakan dan Kerajaan Negeri Kelantan.



3. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menghentikan segala tindakan penguatkuasaan dan membatalkan segala lesen/permit pengeluaran kayu balak dan hasil hutan sehingga pengazetan rizab Orang Asli dilaksanakan selaras dengan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di mana pihak Kerajaan Negeri seharusnya boleh mengazetkan kawasan yang diduduki oleh Orang Asli sebagai kawasan Orang Asli dan kawasan simpanan rizab.

4. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan JPNK harus berhenti menipu masyarakat Malaysia dengan alasan seperti berikut:
 - a. OA yang membuat blokade di hutan Gua Musang adalah dipengaruhi oleh orang luar;
 - b. Kebanyakan OA di hutan Gua Musang menyokong pembalakan;
 - c. Sokongan OA kepada blokade telah semakin berkurangan.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan JPNK tidak boleh menafikan ribuan tandatangan masyarakat OA di kawasan blockade yang menyatakan sokongan mereka kepada blockade! ##

Sudut Komik

Tangisan hutan di Kelantan



3
6
2017

KUIZ PEKERJA

1. Berapa hari cuti umum berbayar yang berhak diterima oleh seseorang pekerja dalam mana-mana satu tahun kalendar?

2. Ada 5 hari cuti umum berbayar yang diwartakan dan dimestikan dalam mana-mana tahun kalendar. Sila namakan 5 hari cuti umum tersebut.

(Jawapan di m/s 12)